

Parkir Bkt.
Bendera siap
31 Ogos

MS9



SUKMA
XVII 2014,
Perlis
MS16



Bas ekspres
- patuhi
syarat baru
MS 25



Mutiara

buletin

www.buletinmutiara.com

PERCUMA



1 – 15 JUN 2014



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>

<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

Kerajaan Negeri ceriakan rumah pangsa ‘tertua’ Taman Tun Sardon

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **CHAN LILIAN & AHMAD ADIL MUHAMAD**

SERI DELIMA - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM1 juta digunakan bagi pelaksanaan kerja-kerja mengecat semula bangunan rumah-rumah pangsa di kawasan Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

Beliau mengumumkan perkara tersebut ketika mengadakan lawatan ke rumah pangsa kos rendah di Taman Tun Sardon di sini.

Kata Jagdeep, bagi menangani masalah 26 blok rumah-rumah pangsa di Taman Tun Sardon, Kerajaan Negeri melalui Tabung Peruntukan Pembangunan telah menyediakan RM1 juta bagi menjalankan kerja-kerja mengecat semula di sini.

“Rumah-rumah pangsa di sini kebanyakannya telah lama dan usang, malah rumah pangsa kos rendah di Taman Tun Sardon ini adalah yang ‘tertua’ iaitu sejak 1969 lagi.

“Oleh demikian, atas dasar keprihatinan dan ambil peduli keperluan utama rakyat, Kerajaan Negeri akan memastikan penduduk di rumah-rumah pangsa di sini dapat hidup dengan ceria dan selesa.

“Kerja-kerja mengecat semula bakal mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan bermula

Mei lalu,” katanya dalam sidang media di lokasi di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan melalui Tabung Peruntukan Pembangunan bagi kerja-kerja penyelenggaraan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah di negeri ini bagi pemberian tangki air, lif dan cat.

Permohonan peruntukan berkenaan boleh dibuat menerusi ADUN kawasan masing-masing.

Menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sejumlah RM770,000 sejak tahun 2011 bagi kerja-kerja penambangan pokok-pokok liar yang melata di bangunan kediaman, pembersihan dan pemberian rumah pam serta kebocoran di sini.

“Inisiatif yang kita (Kerajaan Negeri) lakukan ini membuktikan bahawa kita (Kerajaan Negeri) tidak pernah meminggirkan atau mengabaikan mana-mana pihak kerana pemilihan dibuat atas dasar keperluan sebenar rakyat,” ujar beliau.

Dalam pada itu, penduduk, **SAIFULAZINY, 29**, yang telah 19 tahun menetap di Blok C, rumah pangsa kos rendah Taman Tun Sardon, menyambut baik pengumuman itu.

Katanya, inisiatif yang dilaksanakan Kerajaan Negeri untuk mengecat semula kesemua 26 unit blok rumah pangsa amat



KEADAAN salah sebuah blok rumah pangsa Taman Tun Sardon kini.

baik.

“Baguslah, dulu tiada seorang pun wakil-wakil rakyat nak mai melawat tengok keadaan kami di sini.

“Paip karat, pam air bocor, cat mengelupas semua kami selesaikan sendiri. Sekarang ni nampak perubahan dan kesungguhan



ATIAH Md. Yusoff.

Kerajaan Negeri nak tolong rakyat, terima kasih tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri,” katanya yang juga merupakan peniaga makanan sepenuh masa di gerai hadapan bloknya.

Bagi pesara, **ATIAH MD. YUSOFF, 69**, beliau bersyukur dengan inisiatif dilaksanakan Kerajaan Negeri. Selain mengecat semula, jelasnya, penyelenggaraan semula turut dilaksanakan termasuk penyelenggaraan tangki air, lampu koridor dan gotong-royong membersihkan kawasan berkenaan.

“Walaupun makcik cuma menyewa di sini, tapi dalam tempoh 10 tahun lepas, memang beza dengan sekarang.

“Selain cat semula blok, kemudahan asas di sekitar Taman Tun Sardon ini juga diperbaiki,” katanya yang menetap di Blok C

bersama-sama anak menantu dan cucunya.

Turut melahirkan rasa gembira adalah **ANEEZ SOBRI, 29**, penghuni di Blok E kerana akhirnya impian serta harapan penghuni di rumah pangsa di Taman Tun Sardon untuk melihat kediaman dicat seperti baru, kini tercapai.

“Kami sudah lama mahu blok-blok di sini dicat semula. Sebelum inipun, banyak perubahan lain dilakukan antaranya mewujudkan kotak-kotak parkir, mencantikkan semula kawasan gerai perniagaan di sini dan juga taman permainan yang lebih ceria.

“Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak memungkiri janji yang dibuat untuk rakyat terutama kami yang tinggal di rumah pangsa kos rendah,” ujar beliau sambil tersenyum.

iQPR ciptaan anak negeri baiki kualiti air sungai

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN — Menerusi perjanjian persefahaman yang dimeterai, Kerajaan Negeri bakal menggunakan aplikasi teknologi *Infinitesimal Quantum Persistent Reflection* (iQPR) yang dibangunkan seorang anak Pulau Pinang bagi memperbaiki kualiti air sungai di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, dalam usaha menjadi sebuah negeri yang bersih, hijau dan selamat serta memastikan kelestarian hidup rakyatnya, Kerajaan Negeri menggiatkan usaha dalam penjenamaan semula sungai-sungai di Pulau Pinang.


“Sebagai permulaan, kita (Kerajaan Negeri) menawarkan kontrak selama tiga tahun bernilai RM5.8 juta kepada Infinite Acquisitions Sdn. Bhd. dan rakan kongsinya STS Solutions Sdn. Bhd. untuk terus merawat dan mengekalkan kualiti air sungai di Pulau Pinang pada tahap Kelas II menggunakan teknologi iQPR,”



CHOW Kon Yeow menunjukkan air Kelas I iaitu air mineral yang selamat diminum.

ujarnya ketika hadir menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Rawatan Sungai Pinang antara Kerajaan Negeri dengan Infinite Acquisitions Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang,



FARIZAN Darus (enam dari kanan) mewakili Kerajaan Negeri bertukar-tukar dokumen perjanjian bersama wakil Infinite Acquisitions Sdn. Bhd. sambil disaksikan Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Kapten (B) Ir. Anuar Yahya dan Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Wong Hon Wai.

iQPR adalah teknologi hijau menggunakan air mineral semula jadi sebagai asas, di mana bahan kimia atau mikrob tidak digunakan digabungkan dengan asas fizik kuantum, proses berteknologi tinggi bagi menghasilkan banyak rumusan air berfungsi yang boleh menangani pelbagai masalah pencemaran di dalam air dan tanah.

Dalam erti kata lain, teknologi iQPR adalah teknologi radiasi *non-conventional* dan dikatakan mampu mengubah struktur molekul tanpa memberi kesan buruk kepada manusia. Plat bercorak geometri 3-D khas iQPR adalah komponen penting bagi menjana tindak balas ke atas

micro-fission air dengan pengawalan tindak balas yang konsisten.

Menurut Guan Eng, Sungai Pinang adalah salah satu daripada tujuh sungai paling tercemar di Malaysia iaitu Kelas IV (sangat kotor) dan sejak 2010, dengan penggunaan teknologi iQPR, kualiti Sungai Pinang kini berada pada Kelas II (bersih).

“Teknologi iQPR ini merupakan salah satu projek perintis yang dijalankan oleh JPS Pulau Pinang di bawah program ‘Satu Negeri, Satu Sungai’.

“Melalui projek ini, didapati bahawa kualiti air yang tercemar bertambah baik dengan ketara, enapcemar hitam dan bau busuk juga dapat dihapuskan,” jelas beliau.

Tambahnya, penggunaan teknologi tersebut adalah mudah dan kos efektif serta tidak memerlukan

perubahan infrastruktur yang mahal.

“Walaupun Kerajaan Negeri komited untuk membersihkan sungai dan meningkatkan kualiti alam sekitar, kerjasama daripada semua pihak adalah penting untuk memastikan kejayaan yang berterusan.

“Hentikan pembuangan sampah sewenang-wenangnya ke dalam sungai, ubah tabiat tidak bertanggungjawab serta cintai sungai kita,” serunya yang berharap rakyat Pulau Pinang mengambil berat soal kebersihan dan kualiti alam sekitar.

Selain Sungai Pinang sepanjang 3.6 kilometer (km), aplikasi teknologi iQPR turut mencakupi beberapa batang sungai lain termasuk Sungai Jelutong (2km), Sungai Mati (1km) dan parit Kampung Jawa (2km).

Bank Rakyat tunai kewajiban bayar zakat perniagaan

TUNAI KEWAJIBAN...

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerima RM1,080,071.00 daripada Bank Rakyat sebagai pembayaran zakat perniagaannya bagi tahun 2013 baru-baru ini.

Pembayaran tersebut disempurnakan Naib Presiden Kanan Produk dan Perkhidmatan Bank Rakyat, Baharom Embi kepada Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada majlis ringkas di Seri Mutiara di sini.

Menurut Baharom, pembayaran tersebut adalah bagi melaksanakan tanggungjawab Bank Rakyat seperti manfaat syariatkan dalam Islam kepada golongan asnaf.

Turut hadir, Yang di-Pertua MAINPP, Datuk Mohd. Salleh Man, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna,



DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) menunjukkan replika cek sambil ditemani Mohd. Salleh Man (kanan sekali), Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) dan Baharom Embi pada Majlis Pembayaran Zakat Perniagaan Bagi Tahun 2013 Bank Rakyat di sini baru-baru ini.

Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri) dan beberapa orang Ahli Lembaga Pengarah ZPP.

Dalam ucapan ringkas, Abdul Rahman berkata, semoga dengan pembayaran

zakat berkenaan dapat meningkatkan ekonomi umat Islam khususnya di negeri ini.

“Pada masa sama, saya berharap agar syarikat-syarikat korporat lain turut melaksanakan tanggungjawab yang sama,” seru beliau.

Resepsi perkahwinan anak MP Permatang Pauh meriah

MERIAH...

Kira-kira 3,000 hadirin daripada pelbagai latar belakang hadir memenuhi jemputan perkahwinan anak perempuan kepada pasangan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail di Galeri Pejuang, Cherok To'kun, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT) di sini baru-baru ini.

Majlis resepsi bertemakan warna biru muda itu turut menyaksikan Ketua Menteri,

Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir bagi bersama meraih dan mengucapkan tahniah kepada puteri pasangan tersebut.

Turut hadir, barisan Exco Kerajaan Negeri serta ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Nurul Iman Anwar, anak kelima daripada enam adik-beradik itu mendirikan rumah tangga dengan jejak pilihannya, Mohammed Feirdhauz dan selamat diijab kabulkan pada 16 Mei lalu.



ANWAR Ibrahim saling berinteraksi dengan anak dan mantantu pada majlis resepsi di sini.

Tuah cuba 'Cari Benda Tersembunyi'



NORASYIKIN Mat Isa meraikan kemenangan beliau bersama-sama anak-anak saudaranya selepas selesai majlis penyampaian hadiah.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN - Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu!.

Walaupun hanya sekadar suka-suka dan ingin mencuba, nasib menyebelahi Penolong Juruaudit di Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Norasyikin Mat Isa, 30, dari Bukit Mertajam apabila penyertaan sulungnya dipilih sebagai pemenang bertuah Peraduan Kenali Pulau Pinang – Cari Benda Tersembunyi anjuran Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut membolehkan beliau membawa pulang wang tunai

bernilai RM500 yang disampaikan Penolong Pegawai Makro Maklumat Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Siti Zuraida Napi pada satu majlis ringkas di Komtar di sini baru-baru ini.

Ketika ditemui, Norasyikin yang hadir bersama lima anak saudaranya ternyata gembira dengan kemenangan tersebut yang dianggapnya sebagai rezeki.

"Kemenangan ini amat bermakna buat saya."

"Tak sangka pula betul-betul menang," ujarnya kepada Buletin Mutiara selepas selesai majlis penyampaian hadiah di sini.

Ketika ditanya berkenaan Buletin Mutiara, sambil berseloroh Norasyikin yang juga bekas Penolong Juruaudit di Jabatan Kewangan Negeri menyatakan bahawa beliau tidak pernah ketinggalan membaca penerbitan berkenaan bagi mendapatkan berita terkini dan program anjuran Kerajaan Negeri.

Peraduan yang julung kali diadakan



SITI Zuraida Napi (kanan) membuat cabutan bagi memilih pemenang tunggal peraduan Kenali Pulau Pinang – Peraduan Cari Benda Tersembunyi anjuran Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

tersebut menerima 2,500 penyertaan bagi tempoh 1 Mac hingga 14 Mei lalu.

Pemenang ditentukan berdasarkan tiga jawapan betul dan mengenal pasti sembilan objek tersembunyi ditetapkan.

Tubuh Penang Future Foundation Fund hargai bakat negara

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri baru-baru ini meluluskan penubuhan *Penang Future Foundation Fund* yang bakal dibayai penderma serta syarikat swasta sebagai biasiswa pelajaran kepada bakat negara yang layak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, program terbaru tersebut sekaligus memberi peluang kepada mereka yang berbakat untuk berkhidmat di Pulau Pinang selepas tamat pengajian kelak.

"Ia terbuka kepada semua rakyat Malaysia, walaupun keutamaan secara amnya akan diberikan kepada penduduk Pulau Pinang, dan semua pelajar ditaja dikehendaki bekerja selama lapan tahun di Pulau Pinang dengan pilihan untuk berada dalam sektor awam atau swasta," ujarnya dalam kenyataan media di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, langkah itu wajar memandangkan Kerajaan Persekutuan dilihat gagal serta meminggirkan bakat negara, yang dianggarkan lebih 2 juta orang meninggalkan tanah air sejak merdeka pada tahun 1957.

Tambah beliau, bakat negara terbabit meninggalkan tanah air ini bukan sahaja kerana tertarik pada tawaran gaji lebih tinggi, malah, dasar-dasar yang lebih berperikemanusiaan di luar negara, seperti keadilan, hak asasi manusia, demokrasi, integriti serta ganjaran terhadap kerja keras.

"Malangnya, mereka (2 juta bakat negara terbabit) telah digantikan dengan sehingga 5 juta pekerja tidak mahir dari Bangladesh, Indonesia, Myanmar dan Vietnam, yang menyebabkan bukan sahaja masalah sosial, tetapi, menyumbang ke arah kerugian pertukaran mata wang asing yang besar," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Difahamkan, lebih RM20 bilion dibawa pulang oleh buruh asing ke negara masing-masing pada tahun 2012 dan meningkat hampir RM30 bilion pada tahun lepas.

Menyedari hakikat itu, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri turut melancarkan Penyumberan Luar Proses Perniagaan (BPO) bernilai RM3.3 bilion pada 1 Mac lepas di negeri ini sebagai sebuah lagi hab BPO di dunia, demi menghargai bakat negara.

Itu, jelasnya, tidak termasuk kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Singapura melalui *Temasek Holding* yang bernilai RM11.3 bilion, untuk mengembangkan sektor pembuatan dan perkhidmatan setempat, dengan penumpuan pada BPO juga.

Guan Eng memberitahu, beliau percaya semua rancangan tersebut mampu dicapai memandangkan Pulau Pinang adalah negeri teratas dalam pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia dalam tahun 2010 hingga Ogos 2013, iaitu menyumbang RM19.7 bilion atau hampir 20 peratus kepada FDI Malaysia.

"Kejayaan ini dapat dilihat apabila Pulau Pinang memerlukan sekurang-kurangnya 20,000 pekerja tambahan dan syarikat-syarikat banyak membuat iklan untuk kakitangan di semua peringkat," katanya.

Justeru, beliau berharap lebih ramai penderma dan syarikat swasta melaksanakan pelaburan modal insan dengan menyumbang dana kepada badan yang baru ditubuhkan Kerajaan Negeri, supaya lebih ramai bakat negara terus dihargai di negeri ini kelak.

Sementara itu, Guan Eng turut mengumumkan peletakan jawatan Iskandar Basha Abdul Kadir sebagai Pengurus PDC Consultancy Sdn. Bhd. (PDCC) pada 6 Ogos tahun lepas dan Pengurus Besar PDCC pada 7 Januari lepas.

"Datuk Lee Kah Choon telah dilantik sebagai Pengurus PDCC pada 12 Ogos 2013 dan Timbalan Pengurus Besar (II), Hartini Ali menggantikan Iskandar sebagai Pengurus Besar pada PDCC 7 Januari 2014.

"Walau bagaimanapun Iskandar kekal bertanggungjawab untuk projek *Penang Hill Carpark* sehingga tarikh siap pada 31 Ogos 2014," ujar Guan Eng.

Pakej nikmati durian dalam dusun



PARA tetamu disajikan dengan pelbagai jenis durian terbaik pada Majlis Perasmian Musim Durian Balik Pulau Telah Bermula di Anjung Indah di sini baru-baru ini.

BALIK PULAU - Musim durian sekitar Balik Pulau yang ditunggu-tungu penggemarnya tak kira warganegara atau pelancong asing kini kembali.

Pegawai Daerah Balik Pulau, Daud Abd. Hamid berkata, jenama 'Durian Balik Pulau' yang dipromosi saban musim di Pulau Pinang sekaligus mereputasi nama negeri di rantau ini.

"Berkonsepkan dusun, pengunjung dijanjikan pengalaman yang berbeza tahun ini."

"Mereka bukan sahaja dapat menikmati durian terbaik di sini, malah, turut dipakejkan adalah pengalaman menikmati durian di dalam dusun."

"Ini adalah membabitkan enam dusun terpilih bersempena pengajuran tahun ini," katanya pada Majlis Perasmian Musim Durian Balik Pulau Telah Bermula di Tapak Rekreasi Anjung Indah di sini baru-baru ini.

Majlis berkenaan dirasmikan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Bersempena itu, pelbagai jenis durian disajikan, antaranya, Udang Merah, *Musang King*, *Ho Lor*, *D24* dan *Ang Bak Kia*.

Afif memberitahu, tarikan durian Balik Pulau begitu kuat bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang, tetapi hingga ke luar negara.

"Para pekebun di sini diberikan sijil khas bagi membolehkan mereka memasarkan keluaran buah durian ke peringkat antarabangsa," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.


Dijangkakan, musim durian kali ini adalah lebih panjang berbanding sebelumnya ini iaitu bermula pada pertengahan Mei lalu hingga Ogos nanti.

EP-MTG ke arah Pusat Halal Global

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

DUBAI - Berlandaskan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Pusat Halal Global yang menyediakan hab pelancongan Islam dilengkapi hospitaliti Halal, Kerajaan Negeri menerusi *Halal Penang* dan *Penang Global Tourism* (PGT) telah menerbitkan rujukan berdaftar dalam bentuk ringkas, *'Experience Penang – A Muslim Travel Guide 2014' (EP-MTG)*.

Serentak itu, hasil usahasama *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) dan *Malaysia Travel and Tours Association* (MATTA), buku *Penang Muslim Enclave* turut diterbitkan bagi melengkapkan lagi permintaan terhadap pertumbuhan industri pelancongan Islamik di Pulau Pinang.



ABDUL Malik Abul Kassim (kiri) dan Mohamed Nazri Abdul Aziz meneliti buku panduan EP-MTG pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.



MOHAMED Nazri Abdul Aziz menunjukkan buku panduan EP-MTG.

Kedua-dua buku tersebut dilancarkan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz sempena festival *Arab Travel Mart* yang berlangsung di *Dubai International Convention and Exhibition Center* baru-baru ini.

Turut serta, Pengurus *Penang International Halal Hub* (Halal Penang)

yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Abdul Malik berkata, EP-MTG merupakan sebuah ringkasan berguna yang menyenaraikan pelbagai tempat makanan halal, kedai, tarikan membeli-belah, acara atau sambutan-sambutan

penting dan juga destinasi pelancongan yang mampu memenuhi kehendak pelancong beragama Islam.

"Menariknya, dalam edisi 2014, EP-MTG turut menyediakan panduan perjalanan dengan lebih terperinci dan mempunyai ilustrasi bergambar serta diterbitkan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab,"

Dua Exco perjelas punca tidak hadir sesi gulung DUN

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Dua Exco Kerajaan Negeri tampil memberi penjelasan ekoran digambarkan 'ponteng' sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Ketiga Belas di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) berpendapat, mereka sempat menghadiri sesi penggulungan sebagaimana dijadualkan, sekiranya penyokong pembangkang tidak menceroboh

DUN Pulau Pinang pada 21 Mei lepas.

Bagaimanapun, dua exco berkenaan berkata, mereka bersetuju dengan langkah membahaskan dua usul tergempar mengutuk insiden tersebut, walaupun terpaksa melewatkhan sesi penggulungan daripada jadual asal persidangan DUN.

"Kalau diikutkan jadual asal,

exco-exco yang perlu ke luar negara pada petang 22 Mei lalu sempat untuk mengulung perbahasan masing-masing.

"Namun, peristiwa hitam ini telah berlaku dan memakan masa yang lebih untuk sidang DUN kali ini," ujar Abdul Malik pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Abdul Malik memberitahu, beliau tidak menghadiri sesi penggulungan kerana dijadualkan menyertai Ekspo Halal Antarabangsa Pakistan Ke-3, serta sempat memeterai dua perjanjian persefahaman (MoU) dengan syarikat asing.

Afif memberitahu, beliau turut menyertai lawatan rasmi tersebut.

Abdul Malik dan Afif masing-masing turut menyambut baik nasihat Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, serta teguran Speaker DUN Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang berkait sesi penggulungan berkenaan.

Teks ucapan penggulungan Abdul Malik dibacakan oleh Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga



ABDUL Malik Abul Kassim (kanan) bersama Dr. Afif Bahardin menunjukkan salinan teks penggulungan masing-masing pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

dan Masyarakat, Chong Eng.

Manakala, teks ucapan Afif dibacakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon turut tidak sempat menyempurnakan ucapan penggulungannya sebagaimana dijadualkan, kerana mempunyai lawatan rasmi ke luar negara.

PINJAMAN PENDIDIKAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
SESI 2014 / 2015

Permohonan boleh dibuat melalui online mulai 2 Mei 2014 hingga 31 Julai 2014

<http://epp.penang.gov.my>

Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Necamatan dan Projek
Negeri Pulau Pinang
Tinjauan 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
Tel: 04-6505541 / 5165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks: 04-2613453

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang

Sijil Diploma Ijazah Sains Ijazah Sastera Sarjana Ph.D

KM saksi MoU Temasek & EDIS

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOF**

GEORGE TOWN -

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) baru-baru ini menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan syarikat pelaburan dari Singapura, *Temasek Holding* (Temasek) dan *Economic Development Innovations Singapore Pte. Ltd.* (EDIS) untuk pemajuan dua projek mega di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa menyaksikan majlis MoU tersebut berkata, nilai pembangunan kasar *Penang International Technology Park* (PITP) di Batu Kawan dan *Business Process Outsourcing Prime* (BPO Prime) dekat Bayan lepas dianggarkan sekitar RM11.3 bilion.

"Usahasama di antara PDC dan Temasek bagi membangunkan PITP dan BPO Prime tersebut membolehkan PDC memegang 51 peratus syarikat



ROSLI Jaafar (enam dari kanan) dan **Abel Ang** (enam dari kiri) saling bertukar dokumen sambil disaksikan Ketua Menteri pada majlis menandatangani MoU ini di sini baru-baru ini.

dan selebihnya dipegang oleh pelabur," ujarnya dalam ucapannya dalam majlis menandatangani perjanjian tersebut di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Pengarah Urusan Kanan (Pelaburan) Temasek, David Heng, Pengarah Urusan (Undang-undang dan Peraturan) Temasek, Cheong Kok Tim, Penggerusi EDIS, Philip Yeo, Ketua Pegawai Eksekutif

EDIS, Abel Ang dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), Datuk Phang Ah Tong turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti).

Dalam perjanjian itu, difahamkan, PDC dan Temasek akan memajukan projek di atas tanah berkeluasan 206.8 ekar dalam tempoh lima hingga 10 tahun, manakala, EDIS yang merupakan syarikat milikan persendirian pula berperanan menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada projek usahasama tersebut.

Guan Eng berkata, dua projek tersebut dijangka akan

mengembangkan pasaran domestik berdasarkan pengetahuan, seperti penyumberan luar projek perniagaan (BPO), informasi dan teknologi komunikasi (ICT) serta sektor pembuatan nanti.

Malah, tambahnya, projek pemangkin ekonomi negeri itu turut dijangka membuka 25,000 hingga 30,000 peluang kepada pekerja berpengetahuan kelak.

Pesta Buku dan Ilmuwan Islam produk pelancongan masjid

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

TANJUNG BUNGAH - Pesta Buku dan Ilmuwan Islam 2014 yang dilangsungkan selama 11 hari bermula 29 Mei di perkarangan Masjid Terapung Tanjung Bungah mensasarkan kehadiran 22,000 pengunjung, dengan kerjasama konsultan program *VCreative Resources*.

Pengerusi Pengangsur, Ahmad Faziel Shamsuddin berkata, sasaran itu berdasarkan pengalaman *VCreative Resources* sendiri menganjurkan program serupa di Putrajaya dan Johor, sebelum ini.

"Dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri, lebih 60 sekolah dijemput secara rasmi menyertai pelbagai program di masjid ini.

"Jawatankuasa qaryah masjid selaku pengangsur bersama yakin angka itu (22,000 pengunjung) boleh dicapai kerana program mengimarahkan masjid ini sengaja diadakan pada musim cuti sekolah dan musim melancong," ujarnya yang juga Pengerusi Biro Pendidikan & Kebajikan Masjid Terapung di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid & Hal Ehwal Qaryah bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau



ROSIDI Hussain (dua dari kanan) bersama-sama **Ahmad Faziel Shamsuddin** (tiga dari kiri) meneliti buku-buku di salah sebuah gerai pameran penganguran Pesta Buku dan Ilmuwan Islam 2014 di sini baru-baru ini.

Pinang (MAINPP), Rosidi Hussain, Azli Abdul Aziz (Pengarah *VCreative Resources*), Roslan Abu Bakar (Pengerusi Qaryah Masjid Terapung) dan Dr. Mohamad Zabdi Zamrod (AJK Qaryah) turut hadir pada sidang media itu.

Bercakap pada sidang media sama, Rosidi berkata, penganguran program buat julung-julung kalinya di peringkat Masjid Terapung, sekaligus menjadi satu lagi produk pelancongan masjid di negeri ini.

"Sepatutnya program seumpama ini

dilakukan oleh Kerajaan Negeri, tetapi berjaya dilakukan oleh Jawatankuasa qaryah, yang baru dilantik sejak 11 bulan lepas di sini.

"Kita (MAINPP) akan mempertimbang untuk meluaskan program seumpama ini ke masjid-masjid lain jika sambutan di sini menggalakkan, kerana ia sangat baik untuk mengimarahkan 'Rumah Allah', (serta) berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan dakwah di negeri ini," ujar Rosidi yang juga Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri.

Sebanyak 27 gerai pameran buku, pakaian, aksesori pendidikan dan sebagainya mula dibuka seawal 10 pagi tiap-tiap hari.

Persembahan pentas diadakan tiap-tiap hari, antaranya oleh Kumpulan nasyid Raihan dan motivasi dakwah Dr. Danial Zainal Abidin (Ahli Majlis MAINPP), Ustaz Badlishah Alauddin (selebriti TV9), Ustaz Halim Din (selebriti TV9) serta perkongsian 'Kembara Ustaz' bersama 'Ali XPDC' dan 'Ustaz Naim'.

Itu, tidak termasuk Bengkel Belajar Mudah Matematik 'Ez-Math' serta Kem Motivasi Remaja Islam 2014 yang diadakan serentak di sini.

1,527 sertai Larian Menara Komtar 2014



NG Wei Aik (lapan dari kiri) bersama-sama wakil penaja Larian Menara Komtar Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Seramai 1,527 orang, termasuk 36 peserta antarabangsa berlari sejauh 2 kilometer dan mendaki 1,197 anak tangga merebut kejuaraan dalam Larian Menara Komtar Pulau Pinang 2014.

Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik berkata, wang tunai untuk semua tujuh kategori yang dipertandingkan adalah sebanyak RM15,000, tidak termasuk cabutan bertuah berupa tiga basikal, hamper, penginapan hotel, baucer dan banyak lagi sebagai menghargai semua peserta.

Tujuh kategori tersebut, iaitu antarabangsa lelaki, terbuka lelaki, terbuka perempuan, veteran lelaki, veteran

perempuan, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.

"Untuk kategori antarabangsa, penyertaan daripada 13 negara seperti Kenya, Filipina, Amerika Syarikat, Canada, India, Bangladesh, Azerbaijan, Indonesia, Singapura dan Thailand.

"Peserta paling tua yang menyertai pertandingan kali ini berusia 80 tahun, manakala, peserta tempatan paling ramai tentulah dari negeri Pulau Pinang, iaitu 1,291 orang.

"Ini, menunjukkan komuniti yang lebih besar memberi komitmen untuk menyertai saingan sukan ekstrem kali ini," ujarnya di sini baru-baru ini.

Menurut Wei Aik, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri dijemput menyertai acara tahunan kali ke-6 itu,

manakala, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng menyempurnakan upacara pelepasan larian hari tersebut seawal jam 7.15 pagi.

Pengurus Program La Vintage Event Sdn. Bhd., Shawn Ng selaku pengurus Larian Menara Komtar Pulau Pinang 2014 memberitahu, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Tourism Malaysia, Star Cruises, Ivory Properties Group Berhad, McDonald's, Permanis Sandilands Sdn. Bhd., Shop Spot Advertising, TG Ocean Health Food Industries Sdn. Bhd., Eagle & Pagoda Brand Tek Aun Medical Factory Sdn. Bhd., CHT Marketing, Zuellig Pharma Sdn. Bhd. dan Gardenia Bakery (KL) Sdn. Bhd. merupakan pihak penaja bagi acara tahunan kali ini.

Mei San stabil selepas ketumbuhan 20 kg dibedah - Exco



DR. Afif Bahardin melawat Thum Mei San yang selamat menjalani pembedahan di HPP di sini baru-baru ini.

DATUK KERAMAT -

Ketumbuhan seberat 20 kilogram (kg) di bahu kiri Thum Mei San akhirnya berjaya dipisahkan dengan pemotongan lengan kiri pesakit tersebut dalam satu pembedahan di Hospital Besar Pulau Pinang (HPP) baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin semasa membuat lawatan rasmi memberitahu, Mei San yang telah enam tahun 'menderita' sebelum ini kini berada dalam keadaan stabil dan masih menerima rawatan rapi di sini.

"Saya pun tidak dapat memastikan bila beliau dibenarkan pulang, tetapi, dari apa yang saya lihat, keadaannya stabil...beliau mendapat rawatan rapi yang baik di sini," ujarnya

yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya kepada wartawan baru-baru ini.

Beliau berharap Mei San tabah dengan ketentuan takdir serta bersemangat untuk meneruskan hidupnya.

Sebelum itu, Afif turut mengadakan pertemuan tertutup dengan pentadbir HPP untuk mendapatkan maklum balas berwajib berhubung status Mei San.

Terdahulu, Mei San menjadi perhatian apabila beliau melahirkan rasa kecawa ekoran pembedahan berwajib ke atas dirinya terpaksa ditangguhkan atas faktor masalah kewangan.

Selepas itu, beberapa pihak melancarkan operasi mengutip dana serta berdoa kepada Mei San sehingga beliau selamat menjalani pembedahan.



BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG. SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI	NAMA PROJEK	JENIS PEMAJUAN	HARGA SEUNIT	HARGA SELEPAS POTONGAN 5%	BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA	PEGAWAI PERHUBUNGAN
1.	PLB Land Sdn. Bhd. 1320 Jalan Baru Taman Chai Leng 13700 Pulau Pinang No. Tel : 04-3900799 No. Fax : 04-3900599	Di Atas Lot PT 181 (Lot 4891) & PN 3202 (Lot 4929), Seksyen 3 Jalan Mak Mandin Seberang Perai Utara Pulau Pinang.	PLB Mak Mandin Light Industrial Park	Kilang Berkembar 1.5 Tingkat	RM1,402,966.00	RM1,332,817.70	1	Azizah Binti Abdul Aziz
2.	Starseries Development Sdn. Bhd. No. 20 & 20A, Green Hall 10200 Pulau Pinang No. Tel : 04-2639911 No. Fax : 04-2639888	Di Atas Lot 685 & 687, Mukim 11 Jalan Nanga Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	Villa Lagenda	Rumah Sesebuah	RM1,474,000.00 - RM2,553,000.00	RM1,400,300.00 - RM2,425,350.00	8	Lim Teong Soon

Pesta Bunga ikon pelancongan negeri

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

KEBUN BUNGA – Pengajuran program tahunan, Pesta Bunga Negeri Pulau Pinang 2014 adalah sebuah ikon pembangunan pelancongan buat negeri tanpa mengenepekan aspek alam semulajadi, ujar isteri kepada Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Toh Puan Majimor Shariff di sini baru-baru ini.

Beliau menyatakan demikian pada Majlis Perasmian Pesta Bunga Negeri Pulau Pinang 2014 bertempat di Taman Botani baru-baru ini di sini.

Menurut Majimor, Taman Botani merupakan khazanah alam semulajadi yang terkenal dengan keindahan flora fauna dan kehijauan alamnya.

“Tanpa mengenepekan alam semulajadi, Pesta Bunga diadakan saban tahun.

“Ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Pulau Pinang ke

arah sebuah negeri Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat,” katanya di sini.

Hadir sama, isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Datin Norazizah Haron, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Kira-kira 600 pokok bunga orkid daripada 55 spesis dipamerkan pada pesta yang berlangsung selama lapan hari bermula 31 Mei lalu.

Tambah Majimor, ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, ia bukan sahaja terletak di bahu Kerajaan Negeri semata, sebaliknya tanggungjawab dan komitmen bersama-sama untuk menjayakannya,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid



MAJIMOR Shariff (tengah) memerhatikan kecantikan bunga orkid sambil ditemani Betty Chew Gek Cheng (kanan sekali) pada pengajuran Pesta Bunga Negeri Pulau Pinang 2014 di Taman Botani di sini baru-baru ini.



ANTARA orkid unik yang dipamerkan.

berkata, pengajuran tersebut dapat membantu pengusaha landskap dan bunga untuk memasarkan hasil keluaran masing-masing dengan lebih meluas.

“Ianya bukan sekadar pesta dan pameran untuk melihat keindahan kepelbagaiannya orkid, malah, secara tak

langsung, ia menggalakkan perkembangan industri landskap dan bunga-bunga di Pulau Pinang,” jelasnya.

Tambah beliau, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah bertemakan alam sekitar, malah, pada masa sama, memperoleh maklumat berhubung biodiversiti alam semulajadi,” kata beliau.

“Pengunjung dan pelancong dapat

Anugerah Kewartawanan Hijau 2014 tawar hadiah lumayan!

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Pengajuran Anugerah Kewartawanan Hijau 2014 kembali dengan tawaran hadiah lebih lumayan bernilai RM46,000 keseluruhan.

Bertemakan 'Atasi Perubahan Iklim, Bertindak Sekarang!' (*Be the Solution, ACCT Now - Against Climate Change Today*), pertandingan yang memasuki tahun ketiga tersebut adalah anjuran *Penang Green Council* (PGC) dengan kerjasama NetPix Sdn. Bhd. (NetPix), UPMultimedia Production Sdn. Bhd. (UP) dan Canon (M) Sdn. Bhd.

Pengerusi Pengelola Program Warga Hijau Pulau Pinang, Ng Wei Aik berkata, objektif utama pengajuran pertandingan tersebut adalah bagi menunjukkan sokongan serta menggalakkan para wartawan profesional untuk menerokai nilai alam sekitar di Pulau

Pinang.

“Seperti tahun-tahun sebelumnya, Anugerah Kewartawanan Hijau 2014 terbahagi kepada dua kategori iaitu penulisan laporan berita dan penulisan rencana.

“Hadiah wang tunai berjumlah RM26,000 ditawarkan pada pengajuran kali ini bagi kedua-dua kategori tersebut,” katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen, Pengarah Pemasaran UP, Michelle Lee, Pengarah Kreatif SpringBlink, K.S. Chen, Pengarah Akaun,

Clayton Chew, Pengurus Cawangan Canon (Penang), Albert Mah dan Godwin Tye Ziung Wei.

Dalam pada itu, selain Pertandingan Video Hijau, turut diperkenalkan adalah kategori baru - Foto Kewartawanan Hijau yang menawarkan hadiah bernilai RM8,000.

“Bagi Pertandingan Video Hijau berdurasi tiga minit, wang tunai berjumlah RM12,000 ditawarkan.

“Jadi jumlah keseluruhan hadiah Anugerah Kewartawanan Hijau 2014 adalah berjumlah RM46,000,” jelas beliau.

Nama-nama pemenang bagi

setiap kategori akan diumumkan pada Oktober 2014.

Untuk maklumat lanjut mengenai

penyertaan dan peraturan, sila layari laman sesawang, www.pgc.com.my atau hubungi 04 - 250 3321.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

TAJUK

: CADANGAN PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN MAMMOGRAM PERCUMA KEPADA GOLONGAN WANITA PULAU PINANG

TARIKH DIBUKA : 21 MEI 2014 (RABU)

TARIKH DITUTUP : 2 JULAI 2014 (RABU)

TARIKH DITUTUP : 12.00 TENGAH HARI

Dokumen RFP bagi tawaran RFP ini boleh dimuat turun melalui Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang "<http://ep.penang.gov.my/> mulai 21 Mei 2014.

2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Cadangan Penyediaan Perkhidmatan Pemeriksaan Mammogram Percuma Kepada Golongan Wanita Pulau Pinang**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah hari** pada **2 Julai 2014** kepada :

**Urusetia,
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tingkat 26, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**

Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Unit Perancang Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi urusetia di talian **04-6505176**.

MoU bakal dokumentasi sejarah awal pergigian P. Pinang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN — Kerajaan Negeri menghargai inisiatif dilakukan *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) dalam mendalami dan memahami sejarah pergigian awal di Pulau Pinang khususnya di bandar ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika menghadiri Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Sejarah Awal Pergigian antara GTWHI dan *Oral History Centre, National Archives of Singapore* (NAS) dekat sini baru-baru ini.

Melalui perjanjian tersebut, GTWHI dan NAS akan berkerjasama untuk tempoh tiga tahun bagi mengumpul dokumen berkaitan sejarah awal pergigian sekaligus mampu menyampaikan secara interaktif dan fakta naratif sejarah

awal pergigian di Pulau Pinang kepada umum.

“Tahniah atas usaha dan komitmen kedua-dua pihak dalam mendokumentasikan sejarah awal pergigian di George Town, Pulau Pinang sekaligus menjadikan perkongsian susur galur sejarah lebih bermakna dan menarik.

“Memahami masa kini dengan mengetahui masa lampau membolehkan kita mendepani cabaran pada masa hadapan,” ujar beliau.

Jelas Guan Eng, sejak pembukaan George Town sebagai salah sebuah pusat perdagangan pada lewat kurun ke-18, penghijrahan migran dari Kepulauan Melayu Nusantara, India, China, Burma (Myanmar), Thailand, Armenia dan Eropah telah menjadikan sejarah George Town lebih berwarna-warni.

“Kepelbagaiannya bangsa yang

berhijrah dan ada yang menetap secara tetap di George Town menjadikan bandar ini kaya dengan khazanah kebudayaan dan kesenian dipengaruhi oleh migran-migran di sini.

“Kini, riwayat George Town yang sebenar bakal didokumentasikan semula dan memberi peluang kepada generasi muda untuk mengenali sejarah awal ia,” katanya di sini.

Dalam pada itu, Pengarah NAS, Eric Chin berkata, rekod terawal pergigian di Tanah Melayu bermula sejak 1869 di Singapura yang ketika itu adalah sebahagian daripada Tanah Melayu. Malah klinik pergigian terawal di Pulau Pinang dicatatkan pada tahun 1899 oleh James Logan.

“Senario inilah yang membawa kami untuk berkerjasama dengan GTWHI untuk mendokumentasikan sejarah awal pergigian di Pulau Pinang.



LIM Chooi Ping (kiri) bertukar-tukar dokumen persefahaman dengan **Eric Chin** (kanan) sambil diperhatikan Ketua Menteri pada Majlis Menandatangai Perjanjian Persefahaman Sejarah Awal Pergigian antara GTWHI dan *Oral History Centre*, NAS dekat sini baru-baru ini.

di sini.

Hadir sama, Pengurus Besar GTWHI, Lim Chooi Ping, Timbalan Pengarah NAS, Julia Chee, pakar sejarah awal pergigian, Dr. Lye Soo Choon dan Denise Ng serta penasihat project sejarah awal pergigian GTWHI Dr. Mahani Musa dan Tan Pek Leng.

Gaya hidup sihat cegah Hepatitis, kanser hati - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN — Amalan gaya hidup sihat adalah langkah terbaik untuk mencegah diri daripada mengidap sakit Hepatitis, termasuk risiko mengidap kanser hati.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa merasmian Hari Hepatitis Pulau Pinang Kali Ke-14, anjuran Yayasan Hati Malaysia (MLF) baru-baru ini.

“Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati...semua kita mempunyai hanya satu hati.

“Sebab itu, marilah kita membantu MLF dalam usaha mereka untuk membantu kita menjaga hati kita,” ujarnya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Presiden MLF, Prof. Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican, dan timbalannya, Prof. Datuk Dr. Robert Ding serta Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr. Hassan Merican turut hadir pada majlis keraian tahunan itu.

Guan Eng memberitahu, sebanyak 21 kes Hepatitis B direkodkan di Pulau Pinang pada tahun lepas walaupun semua



AHLI jawatankuasa pengajur bergambar kenangan dengan maskot program Hari Hepatitis Pulau Pinang Kali Ke-14 anjuran MLF di sini baru-baru ini.

bayi baru lahir di negeri ini telahpun diberikan vaksin pencegahan sejak 1989.

Dianggarkan 5.24 peratus rakyat Malaysia adalah pembawa Hepatitis B.

Tambah beliau, tiada pula kes Hepatitis A direkodkan di negeri ini pada tahun lepas, walaupun virus tersebut disebarluaskan menerusi pencemaran najis pada makanan, bekalan air dan sebagainya, dipercayai oleh usaha Kerajaan Negeri mewujudkan iklim kebersihan di negeri ini.

Tambah beliau, terdapat 39 kes Hepatitis C pada tahun 2013 di negeri ini, walaupun ramai orang giat mendapatkan antibodi

rutin pada penyakit tiada vaksin tersebut.

Difahamkan, Hepatitis B, jangkitan Hepatitis C dan penyalahgunaan alkohol adalah antara faktor yang menyumbang pada risiko kanser hati, iaitu barah kelima paling kerap menyerang gender lelaki di negara ini.

Justeru, Guan Eng memberitahu, kerajaan yang kuat dan dinamik, pasukan pakar terlatih serta sokongan daripada badan bukan kerajaan (NGO), seperti MLF cukup diperlukan demi melahirkan warga Pulau Pinang yang benar-benar mengamalkan gaya hidup sihat di negeri ini.

Pameran buku dorong budaya membaca – ADUN



YAP Soo Huey (kanan sekali) memerhatikan salah satu kraftangan yang dipamerkan pada Pameran Buku, Seni dan Kraftangan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN — Sebanyak 24 artis seni dan pembuat kraftangan dirakam menjayakan Pameran Buku, Seni dan Kraftangan Pulau Pinang pertama selama 10 hari bermula pada 23 Mei lepas di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dalam ucapan perasmianya turut merakamkan penghargaan kepada semua pengunjung yang menyertai pameran tersebut.

“Walaupun pada dasarnya kita mempunyai perpustakaan, tetapi, kebanyakannya adalah di kawasan luar bandar. Bilangan perpustakaan yang ada di kawasan bandar adalah terhad.

“Peluang sebeginilah harus digunakan oleh masyarakat sekeliling untuk menambah pengetahuan dan bahan bacaan.

“Melalui pembacaan sahaja, kita dapat mempertingkat diri,” ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada pengajur, *Leo Books*.

Justeru, Soo Huey berkata, pihaknya berharap pameran bertemakan OMG! atau *O'My George Town* itu akan mendorong lagi semangat komuniti tanpa mengira lapisan umur untuk menyuburkan budaya membaca dalam diri masing-masing.

Parkir bertingkat Bkt. Bendera lengkap bersurau, premis niaga

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

AIR ITAM – Selain menyediakan 311 petak parkir, kompleks letak kereta tujuh tingkat Bukit Bendera juga bakal menempatkan premis-premis komersial, medan selera dan surau.

Selain itu, turut dilengkapi adalah 171 petak parkir motosikal, gerai (6), kedai (4), tandas termasuk untuk golongan kurang upaya (OKU), perhentian bas, teksi, tanjakan OKU dan tangga keselamatan.

Pengurus projek *Penang Hill Carpark* bagi pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Iskandar Basha Abdul Kadir berkata, keunikan kompleks tersebut adalah bertujuan memberi ruang rehat kepada para pengunjung selain di stesen bawah Bukit Bendera.

“Selain itu, ruang-ruang niaga turut membuka peluang kepada masyarakat tempatan berniaga bagi menambah pendapatan,” katanya pada sidang media di lokasi di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa kompleks berkenaan kini telah 65

peratus siap yang mana pembinaan lokasi tersebut kini memasuki fasa akhir dan dijangka bakal dibuka kepada kenderaan awam pada 31 Ogos ini iaitu sempena sambutan Hari Kemerdekaan.

“Kini, ketujuh-tujuh tingkat bangunan ini telah siap sepenuhnya termasuk satu tingkat bawah tanah.

“Fasa berikutnya adalah memasang semua sistem-sistem utiliti seperti pendawaian dan perpaipan yang diperlukan bangunan ini,” ujarnya.

Selepas terpaksa dirobohkan daripada pembinaan asal ekoran saiz parkir dan laluan yang terlalu kecil, syarikat pembinaan Yuan Seng Building Trading Sdn. Bhd. telah memenangi tender terbuka yang dijalankan berhubung projek terbabit.

Kompleks bernilai RM11,491,073.90 tersebut dilihat dapat menjadi sebuah kompleks letak kereta antara yang menarik di Pulau Pinang kerana menyediakan pelbagai kemudahan.



ISKANDAR Basha Abdul Kadir menunjukkan lakaran grafik kompleks berlatarbelakangkan bangunan tersebut pada sidang media di sini baru-baru ini.

KN teruskan tradisi bantuan kewangan pembangunan sekolah



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kiri) dan Ketua Menteri pada Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Kepada Tadika Di Sekolah-sekolah Tamil dan Sekolah-sekolah Punjabi di Komtar baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Seperti tahun-tahun sebelumnya, Kerajaan Negeri pada tahun ini (2014) memperuntukkan bantuan kewangan berjumlah RM100,000 kepada 24 sekolah tadika yang diuruskan di sekolah-sekolah Tamil dan RM65,000 kepada dua sekolah Punjabi bagi tujuan pembangunan institusi-institusi pengajian berkenaan di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Profesor Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia dan Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, peruntukan sumbangan yang dimulakan sejak tahun 2009 tersebut adalah bagi memastikan wujudnya suasana pembelajaran yang kondusif dan selesa di institusi pengajian Tamil dan Punjabi di sini.

“Di Changkat Minden yang mana menelan kos sebanyak RM1.25 juta, bakal disiapkan pada penghujung bulan Jun ini dengan merangkumi jarak keseluruhan longkang dinaiktaraf adalah sepanjang 680 meter,” jelas beliau.



KEADAAN longkang yang masih dalam proses dinaiktaraf.

Bagi projek di Taman Desa Baru, kos yang dibelanjakan adalah sebanyak RM200,000 iaitu daripada dana Kerajaan Negeri di bawah portfolio Exco Kerajaan Tempatan Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

“Di Changkat Minden yang mana menelan kos sebanyak RM1.25 juta, bakal disiapkan pada penghujung bulan Jun ini dengan merangkumi jarak keseluruhan longkang dinaiktaraf adalah sepanjang 680 meter,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Jayabalan turut sempat merakamkan ucapan penghargaan kepada badan-badan terlibat dalam projek berkaitan.

“Ini termasuk Telekom Malaysia (TM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Indah Water Konsortium (IWK), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) serta para penduduk,” nyatanya.

“Apabila persekitaran ditingkatkan, suasana pembelajaran menjadi selesa dan kondusif dan secara tidak langsung memberi impak positif kepada pertambahan jumlah pelajar di sekolah Tamil dan Punjabi,” ujarnya pada Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan

Kepada Tadika Di Sekolah-sekolah Tamil dan Sekolah-sekolah Punjabi di Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut serta, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Exco Kerja Raya, Utiliti, Pengangkutan, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Turut diumumkan adalah peruntukan sumbangan bernilai RM84,000 kepada Tabung Khas Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, bantuan kewangan kepada sekolah Punjabi mula disumbangkan sejak tahun 2010 di bawah kategori sekolah-sekolah Tamil.

“Sebelum ini, sekolah Punjabi tidak dimasukkan di bawah mana-mana kategori sekolah yang menerima bantuan Kerajaan Negeri ekoran kelas-kelas pembelajarannya dijalankan di gurdwara-gurdwara yang merupakan tempat ibadat dan bukannya sekolah.

“Tetapi, mulai tahun 2011, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah bantuan kewangan berasingan kepada sekolah-sekolah terbabit (Punjabi),” ujar beliau.



DR. T. Jayabalan (dua dari kanan) bersama-sama wakil penduduk dan agensi-agensi terlibat meneliti pelan penaiktarafan longkang di Changkat Minden di sini baru-baru ini.

“Permohonan pelebaran longkang di Taman Desa Baru sudah memasuki 10 tahun, namun tiada apa-apa tindakan.

“Di Changkat Minden, ianya hampir membabitkan tempoh 15 tahun dengan tiada sebarang tindakan juar,” ujarnya kepada pemberita ketika mengadakan sesi lawatan ke dua-dua lokasi terbabit baru-baru ini.

Tambah Jayabalan, keadaan sedemikian amat menyediakan dan turut mendatangkan bahaya kepada penduduk sekitar kerana selain terdedah kepada banjir, ia juga boleh menjadi tempat takungan air biak nyamuk aedes setiap kali hujan.

Durian Balik Pulau di pusat bandar

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Para penggemar durian Balik Pulau kini tidak perlu berkunjung jauh apabila 'Raja Buah' tersebut dibawa khas ke sini untuk dijamu semua.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow berkata, demi menjayakan inisiatif tersebut, pihaknya membantu pekebun-pekebun kecil di Balik Pulau membuat permohonan lesen menjaja sementara bagi membolehkan mereka menjual hasil tani di sini.

"Melalui permohonan kepada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), pekebun-pekebun kecil boleh mempromosikan hasil tani masing-masing di gerai-gerai sementara yang dibenarkan Majlis (MPPP).

"Jika dahulu kalau nak makan durian perlu ke Anjung Indah, Balik Pulau, kini kita bawakan durian Balik Pulau ke sini.

"Bukan sahaja durian, malah buah-buahan tempatan seperti manggis dan rambutan juga boleh dibeli di sini," katanya pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, ADUN Komtar, Teh Lai Heng.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) dan Teh Lai Heng (depan, dua dari kanan) menunjukkan durian-durian yang dijual di Jalan Burma pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Terletak bertentangan Hotel Tune, Jalan Burma, gerai-gerai dibuka pada jam 11 pagi hingga 9 malam setiap hari.

Antara jenis durian yang dijual adalah 'Ang Hae', 'Ho Lor', 'Musang King', 'Cheh Phoay Kia', 'Gan Ja', 24 dan D2 pada harga yang berpatutan.

'Pesta' tersebut bermula pada 20

Mei lalu dan bakal berlanjut sehingga pertengahan bulan Julai, bergantung kepada hasil durian.

Dalam pada itu, Lai Heng memberitahu bahawa inisiatif tersebut adalah anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Kedah dan Jalan Transfer.

"Terdapat kira-kira 10 gerai menjual durian sekitar bandar George Town.

"Inisiatif ini adalah ekoran sambutan memberangsangkan sejak penganjurannya empat tahun lalu.

"Justeru, saya berhasrat untuk menjadikan pesta tersebut sebagai acara tahunan di sini," jelas beliau.



**PERBADANAN
SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG
(SSI)**

PERMINTAAN UNTUK CADANGAN

Tawaran ini dibuka kepada Pembida yang terdiri daripada syarikat tempatan untuk menyertai **Permintaan untuk Cadangan (Request For Proposal - RFP)** seperti berikut:-

TAJUK

: CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO - PELANCONGAN PULAU PINANG DI ATAS TANAH SSI DI LOT 311 DAN 498, MUKIM 19, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG, MALAYSIA

TARIKH DIBUKA : 15 MEI 2014

TARIKH DITUTUP : 15 OGOS 2014

Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://www.penang.gov.my/> mulai **15 Mei 2014**.

Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Cadangan Pembangunan Dan Pengurusan Agro - Pelancongan Pulau Pinang Di Atas Tanah SSI Di Lot 311 Dan 498, Mukim 19, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, Malaysia**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah** hari pada **15 Ogos 2014** kepada :

**Sekretariat,
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI),
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia.**

Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

Kaunter bergerak bantu pendaftaran secara telus

Oleh :
NORSHAHIDA YUSOFF

AIR ITAM -

Kaunter pendaftaran yang dibuka setiap minggu di pasar-pasar malam sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam merupakan formula kejayaan kawasan tersebut mencatatkan penerima (pendaftaran) tertinggi pelajar emas bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Wong Hon Wai, pembukaan kaunter bergerak tersebut membolehkan ibu bapa dan para pelajar mendaftarkan diri secara terus.

"Pembukaan kaunter bergerak setiap minggu di setiap pasar malam sekitar sini (Air Itam) memberikan impak positif apabila ibu bapa atau para pelajar dapat mendaftarkan diri secara terus.

"Selain itu, kita juga gunakan pendekatan masuk ke sekolah-sekolah dan bekerjasama dengan persatuan ibu bapa dan guru," ujarnya ketika mengadakan tinjauan Penyerahan Sumbangan Pelajar Emas di salah sebuah bank di sini baru-baru ini.

Skim Pelajar Emas hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat adalah sumbangan khas kepada pelajar Tahun Satu, Tahun Empat,



WONG Hon Wai (dua dari kiri) beramah-mesra dengan pelajar dan ibu bapa yang hadir bagi menerima Sumbangan Pelajar Emas di salah sebuah bank di Air Itam baru-baru ini.

Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat secara *one-off* setiap tahun.

Bagi Fasa Pertama, seramai 37,000 pelajar yang telah berdaftar di bawah program berkenaan layak menerima sumbangan RM100 berkenaan.

Bagi kawasan Air Itam, seramai 2,180 pelajar membabitkan 15 sekolah mula menerima sumbangan masing-masing bermula 19 hingga 30 Mei lalu.

Dalam pada itu, Hon Wai yang juga merupakan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri menyeru kepada ibu bapa dan para pelajar di seluruh Pulau Pinang yang belum mendaftar agar segera melakukannya.

"Bagi ibu bapa dan pelajar yang belum mendaftar, boleh berbuat demikian pada kadar segera di pejabat-pejabat ADUN berdekatan.

"Ini kerana, pemberian sumbangan fasa kedua akan disampaikan pada bulan Oktober nanti," kata Hon Wai.

Penindasan ilmu membantutkan perkembangan bangsa

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**

IZINKAN saya bermula dengan memetik sebuah

anekdot mahsyur yang dikisahkan di dalam Al-Quran. Kisah seorang insan yang mencari siapa Tuhannya. Beliau bermula dengan mempersoalkan amalan tradisional masyarakatnya yang menyembah berhalu.

Pada malam hari, beliau melihat kepada bintang yang menyinari pekat malam, lalu bertanya: apakah bintang ini Tuhan? Namun, ternyata bintang itu terbenam di ufuk dunia menjelang subuh.

Lalu beliau melihat pula kepada bulan, bulat dan bercahaya, dan mengajukan soalan yang sama: apakah bulan ini Tuhan? Namun, bulan juga menghilang setelah terbit fajar dan diganti pula oleh matahari yang bersinar dengan lebih terang.

Apakah matahari ini sebenarnya Tuhan? Setelah matahari terbenam tatkala senja menyingsing, beliau menyedari bahawa Tuhan tidak mungkin menjadi objek dan simbol-simbol semata-mata tetapi adalah kekuasaan yang mengaturkan objek dan simbol-simbol ini. Maka, beliau akhirnya berkata:

“Wahai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri (bersih) dari apa yang kamu sekutukan dengan Allah. Sesungguhnya aku hadapkan mukaku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi, dengan cenderung kepada agama yang benar, dan aku bukan dari orang-orang yang menyekutukan Allah.”

Demikianlah pengembaran spiritual Nabi Ibrahim mencari Tuhan, sebagaimana yang dicatatkan dalam Surah Al-An'am ayat 74-79.

Walaupun saya bukan pakar agama, saya percaya bahawa kisah Nabi Ibrahim ini jelas menggambarkan bagaimana Islam adalah agama yang berdasarkan sisi rasional yang mampu dihujahkan dengan logik.

Pada saya, perkara yang paling menarik dalam kisah tersebut, adalah pada waktu Nabi Ibrahim sedang menghadapi persoalan epistemologi yang paling besar dalam sejarah ketamadunan



manusia – persoa laan kewujudan manusia – tiada campur tangan yang berlaku

daripada Yang Maha Esa. Bukanlah mudah andainya sekiranya malaikat (atau setidaknya Ustaz Azhar Idrus) diutuskan untuk memberikan jawapan kepada Nabi Ibrahim?

Sebaliknya, Allah dalam kebijaksanan-Nya telah menyerahkan kepada Nabi Ibrahim untuk mencerap alam dan mencari kebenaran melalui kaedah kognitif dan empirikal. Malah, kaedah ini telah mengukuhkan lagi keyakinan Nabi Ibrahim.

Ini membuktikan bahawa Islam adalah lebih daripada dogma semata-mata. Sesungguhnya, Allah telah mengurniakan manusia dengan magnum opus ciptaannya, kurniaan yang hatta tidak pernah diberikan kepada makhluk lain termasuk para malaikat, iaitu akal fikiran yang melayakkan kaum manusia diangkat menjadi khalifah di dunia ini.

Malangnya, di Malaysia, nikmat akal ini tidak benar-benar dihargai, apatah lagi disyukuri, sehingga terdapat kecenderungan para pengguna untuk melakukan apa yang Allah sendiri tidak lakukan terhadap Nabi Ibrahim, iaitu untuk berfikir dan membuat keputusan bagi pihak orang lain, khususnya dalam soal keimanan yang sangat peribadi.

Penindasan ilmu

Justeru, di negara kita, pemerintah akan menentukan untuk rakyat apa yang boleh atau tidak boleh dibaca, ditonton, dibicara, malah dipercayai. Sebagai contoh, bukan Muslim dilarang daripada menggunakan beberapa kalimah “Islam” seperti “Allah,” manakala terjemahan Bible dalam bahasa Melayu pula menjadi mangsa undang-undang.

Penapisan ini tidak hanya terhad kepada bahan-bahan agama. Filem adiwira Daredevil (2003) juga telah diharamkan kerana kononnya merosakkan akidah umat. Baru-baru ini, nasib yang sama telah menimpa buku komik berjudul Ultraman: The Ultra Power.

Dan sekiranya itu tidak cukup

menghairankan, kerajaan telah mengambil langkah pelik mengharamkan sesetengah buku hanya dalam bahasa Melayu, manakala tiada sebarang halangan dalam versi bahasa Inggeris.

Satu contoh adalah buku penting dalam ilmu biologi, *The Origin of Species* karya Charles Darwin. Masuk sahaja ke mana-mana kedai buku atau perpustakaan utama di negara kita dan buku tersebut boleh dijumpai. Walau bagaimanapun, terjemahannya dalam bahasa Melayu, iaitu *Asal-usul Spesies*, disenaraikan sebagai buku terlarang.

Ada juga buku lain yang mengalami nasib yang menyedihkan ini, seperti karya Karen Armstrong, *Islam: A Short History*. Terjemahannya, *Sepintas Sejarah Islam*, diharamkan manakala versi original boleh dibeli dan dipinjam di serata negara.

Apabila diminta untuk mewajarkan pengharaman buku Darwin, maklumbalas yang diterima daripada Kementerian Dalam Negeri adalah bahawa buku tersebut “memudaratkan ketenteraman awam” sambil bercanggah dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (hal ini pula menimbulkan persoalan lain berkenaan penggunaan pemerintah ke atas “jenis” Islam yang boleh diamalkan).

Pun begitu, jawapan kerajaan langsung tidak masuk akal. Bagaimanakah mungkin sesuatu buku itu dianggap sebagai ancaman kepada ketenteraman awam dan menyalahi ajaran Islam dalam satu bahasa, tetapi boleh diterima pula dalam bahasa lain?

Ataupun, adakah ini sebenarnya cara kerajaan untuk meletakkan batasan ilmu ke atas mereka yang hanya celik Bahasa Kebangsaan, seolah-olah orang Melayu Islam tidak cukup rasional dan cerdik untuk membaca karya besar dunia berbanding mereka yang mampu berbahasa Inggeris?

Pembantutan perkembangan bangsa

Hakikatnya, tindakan mengharamkan buku atas apa-apa alasan tidak mungkin diwajarkan, kerana ia bukan sahaja menindas ilmu dan minda, malah membantutkan perkembangan

negara bangsa.

Sejarah dunia membuktikan bahawa pembangunan tamadun berlaku atas usaha memperluaskan ilmu, manakala kegagalan tamadun berlaku apabila ilmu disekat dan dihadkan.

Dalam hal ini, usaha penterjemahan adalah sangat kritis. Ini kerana ia bukan sahaja soal penyalinan kata dalam bahasa yang berbeza, tetapi pengolahan ilmu, maklumat dan pengalaman sesuatu budaya.

Ketika zaman kegemilangan Islam semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid, Baitul Hikmah di Baghdad telah menjadi pusat penterjemahan yang masyhur, di mana karya-karya tamadun Greek telah diterjemahkan bagi tatapan umum.

Ini bukan sahaja tidak memudaratkan ketenteraman umat, malah telah menyumbang kepada perkembangan tamadun Islam sehingga terhasil karya-karya dunia yang sangat berpengaruh sehingga ke hari ini.

Malangnya di Malaysia, usaha penterjemahan buku ilmiah adalah amat kurang sekali. Maka, persoalan muncul, apakah fungsi Institut Terjemahan Negara Malaysia atau sekarang dikenali sebagai Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)? Institut ini bukan sahaja tidak giat dalam usaha penterjemahan, ia nampaknya lebih cenderung kepada menerbitkan buku-buku pemimpin kerajaan seperti Perkhidmatan Awam: Meneraju Perubahan, Melangkau Jangkaan oleh Dato' Sri Najib Razak dan Sudut Pandangan Muhyiddin Yassin oleh Timbalan Perdana Menteri.

Cuba bayangkan sekiranya Khalifah Harun al-Rashid menggunakan Baitul Hikmah untuk menerbitkan buku sendiri – adakah zaman baginda akan dikenali serata dunia sebagai zaman kegemilangan Islam?

Bahasa milik penguasa?



**ZAIRIL
Khir
Johari.**

Kita semua kenal dengan cogan kata “Bahasa Jiwa Bangsa.” Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, slogan ini adalah satu gagasan besar yang bermaksud bahawa bahasa mampu memainkan peranan dalam pembentukan identiti kebangsaan.

Di negara ini, bahasa Melayu telah diangkat menjadi Bahasa Kebangsaan. Ini bererti ia bukan lagi menjadi bahasa milik kaum Melayu semata-mata, tetapi telah menjadi bahasa kepunyaan setiap insan yang bergelar rakyat Malaysia.

Namun, tindakan kerajaan untuk memperkecilkan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa keilmuan dengan mengharamkan terjemahan Melayu sesetengah buku serta keengganannya untuk melabur secara besar-besaran dalam usaha penterjemahan telah menjadikan gagasan ini sebagai slogan kosong yang menghiasi dinding-dinding sekolah semata-mata.

Dalam erti kata lain, para penguasa di Malaysia bukan sahaja tidak menghormati Bahasa Kebangsaan malah menindas penggunaannya. Justeru, nasib bahasa Melayu hanya boleh diselamatkan sekiranya belenggu kerajaan dirungkaikan dan ia diberi ruang dan sokongan yang mencukupi agar menjadi bahasa wacana ilmu sekali lagi.

Elok juga sekiranya iktibar dapat diambil daripada kisah Nabi Ibrahim dan sejarah tamadun Islam, iaitu tidak ada kuasa yang boleh kekal, sama ada kuasa ideologi, agama atau politik, sekiranya ia tidak dapat diwajarkan secara logik dan rasional. Pada masa yang sama, mana-mana kerajaan atau tamadun yang tidak benarkan ruang bagi perkembangan ilmu dalam kalangan masyarakatnya akan akhirnya menemui kegagalan. Bak kata pepatah orang putih: sesiapa yang gagal mengambil iktibar daripada sejarah akan mengulangi kesilapannya.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyew@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Cassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheryphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shappee adunan.dunsbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbkttengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungainpinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalanan drjayabalanan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PAS PENANG HQ	(T) 04 - 575 5584
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Ridwan Osman ridwan_wan48@yahoo.com	013-499 5068
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	013-580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhammad hadiputra78@yahoo.com	019-437 2887
PERMATANG BERANGAN Arshad Md. Salleh arshad.salleh@yahoo.com	019-510 2633
SUNGAI DUA Zahadi Mohd. zahadi55@yahoo.com	019-507 3828
TELOK AIR TAWAR Norhayati Jaafar yatie/119@yahoo.com.my	019-433 7119
SUNGAI ACHEH Mohammad Razak	013-597 6478
BAYAN LEPAS Asnah Hashim asnagh45@hotmail.my	019-472 6956
PULAU BETONG Hj. Mohd Tuah Ismail tuahismail@yahoo.com	019-570 9500
TELUK BAHANG Dato' Hajji Abdul Halim Hussain abdulhalimhussain@gmail.com	019-480 9599

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-656 4131
BOMBA	994	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103		04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
PENYELAMAT	991		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893		
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957		
NEGERI			
KASTAM	04-262 2300		
IMIGRESEN	04-250 3419		
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342		
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340		
EPF	04-226 1000		
SOCSCO	04-238 9888		

PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
CAP	04-829 9511
BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
	04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga : 019 - 409 5922	- Shukri	Bungah : 011 - 12441069	- Hezreen
N2	Bertam : 019 - 593 3736	- Fatimah	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N3	Pinang : 017 - 424 9371	- Tasrin	N24 Kebun Bunga : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N4	Tunggal : 019 - 556 4664	- R.M. Reza	N25 Pulau Tikus : 017 - 956 3237	- Quah
N5	Permatang Berangan : 013 - 595 6865	- Rosli Man	N26 Padang Kota : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6	Telok Air : 019 - 433 7464	- Mat Zahir	N27 Pengkalan Kota : 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N7	Sungai Puyu : 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N28 KOMTAR : 012 - 423 3227	- Benji Ang
N8	Bagan Jermal : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29 Datok Keramat : 017 - 480 7417	- Varinder Kalvinder
N9	Bagan Dalam : 016 - 473 1963	- Gesan	N30 Sungai Pinang : 04 - 282 6630	- Shuen
N10	Seberang Jaya : 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31 Batu Lancang : 04 - 282 6419	- Karuna
N11	Permatang Pasir : 019 - 412 8442	- Kamal	N32 Seri Delima : 019 - 4474362	- Mahen James
N12	Penanti : 04 - 538 2871	- Rosli	N33 Air Itam : 012 - 5242549	- Anne Janet
N13	Berapit : 04 - 538 3871	- Tira	N34 Paya Terubong : 012 - 4730736	- Toon Hoon Lee
N14	Machang Bubuk : 012 - 474 0964	- Mr.Lim	N35 Batu Uban : 016 - 4940705	- Frankie Kee
N15	Padang Lalang : 012 - 473 0964	- Yeoh Ee Yee	N36 Pantai Jerejak : 012 - 484 1963	- Jalal
N16	Perai : 014 - 945 9786	- Andrew Chin	N37 Batu Maung : 016 - 480 0232	- Khairul
N17	Bukit Tengah : 04 - 399 6689	- Ikhwan	N38 Bayan Lepas : 016 - 487 8602	- Sathyia
N18	Bukit Tambun : 013 - 518 8735	- Chan	N39 Pulau Betong : 016 - 444 3550	- Aliff / Shamsudin
N19	: 016 - 404 9120	- Lai	N40 Telok Bahang : 04 - 646 4700	- Amirulzaman
	017 - 378 4448	- Selvi		- Danny Ho
	012 - 408 4784	- Lim Tuan Chun		- Saifullizan
	012 - 456 5018	- G.Dumany		- Zulkiflee
	019 - 552 8689	- Khor		
	012 - 542 4454	- Abdul Halim		
	012 - 679 4704	- Mr. Khor		
		- NorJuliana		
		- Hasbullah		
		- Yaser		
		- Tina		

Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Jun - Ogos 2014



Jun - Ogos
Festival Durian Pulau Pinang
Anjung Indah, Balik Pulau

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN


sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256



SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014	
Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Mohd Shaipol Ismail (DAP)	012 - 552 4791
Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chandrasekeran@mpsp.gov.my	012 - 5619870
Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my	012 - 422 1133
Tan Chong Hee (DAP)	019 - 411 5598
Tan Chee Teong (DAP)	012 - 401 7718
Michael Tan Cheong Heng (DAP)	012 - 487 3101
P. David Marshel (DAP)	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye (DAP)	012 - 425 2602
M.Satees (DAP)	016 - 438 4767
Chong Pei Pei (DAP)	012 - 476 7729
Ong Eu Leong (PKR)	010 - 770 0508
Rezal Huzairi Md Zaki (PKR)	017 - 409 7702
Abdul Jalil Che Ros (PKR)	013 - 489 3227
Shafiqah Shobha Abdullah (PKR)	016 - 496 1659
Rajasegar a/l Govindasamy (PKR)	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim (PKR)	018 - 576 1622
Zulkiefly Saad (PKR)	013 - 436 2848
Mohd Rizal Abd Hamid (PKR)	012 - 424 3878
Ho Leng Hong (PKR)	017 - 487 2767
Omar Hassan (PAS)	019 - 571 8031
Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019 - 408 4899
Wong Chee Keet (NGO)	012 - 451 1312
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) itiun@mpsp.gov.my	04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO)	013 - 414 4822

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014	
Nama	Telefon
MPPP	04 - 259 2020
Tan Hooi Peng (DAP)	012 - 498 6212
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 428 2250
Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Sukumar a/l Subramaniam (DAP)	019 - 442 2113
Joseph Ng Soon Siang (DAP)	012 - 423 9143
Tan Kim Hooi (DAP)	016 - 438 7855
Lee Chun Kit (DAP)	012 - 519 2152
Mohd Harisuan Jaharudin (DAP)	013 - 379 6019
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Muhammad Sabri Md. Osman (PKR)	013 - 432 0207
Ahmad Azrilal Tahir (PKR)	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam (PKR)	014 - 945 9621
Tan Chiew Choon (PKR)	019 - 470 4499
Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR)	019 - 470 8811
Lim Boon Beng (PKR)	012 - 564 4400
Nur Zarina Zakaria (PKR)	011 - 1578 5098
Izsuree Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205
Mhd Nasir Yahya (PAS)	012 - 402 6739
Dr. Lim Mah Hui(NGO)	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat (NGO)	016 - 414 3428
Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO)	012 - 464 3004
Mohd Foaz Hamid (NGO)	016 - 422 2225



► BEBERAPA pengunjung membeli produk makanan yang dipamerkan pada Ekspo Makanan Antarabangsa (iFOODex) 2014.





AHLI-ahli jawatankuasa penganjur dan para pengunjung menjamu durian-durian yang disediakan pada Majlis Perasmian Musim Durian Balik Pulau di Anjung Indah, Balik Pulau.



AKSI menarik salah sebuah pasukan pada Penang International Lion Dance on Stilts Competition.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali) memerhatikan aksi ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng berselfie dengan sekumpulan kanak-kanak pada Majlis Perasmian Pesta Bunga 2014.

Emas pertama SUKMA 2014 milik skuad Karate negeri

Oleh: **W A T A W A
NATAF ZULKIFLI**

ARAU - Skuad Karate Negeri Pulau Pinang mencatatkan rekod baru pada Sukan Malaysia XVII 2014 (SUKMA) Perlis apabila berjaya menyapu bersih lapan pingat emas daripada jumlah keseluruhan 16 yang dipertandingkan.

Pencapaian tersebut termasuk satu pingat Perak dan Gangsa (5) dalam acara berkenaan yang berlangsung di Kolej Matrikulasi Arau di sini baru-baru ini.

Pingat emas pertama Pulau Pinang yang juga merupakan emas pertama SUKMA dimenangi menerusi acara Kata Individu Lelaki atlet Thomson Hoe dengan kiraan mata 5-0 menewaskan Chun Jet San dari negeri Johor.

Emas kedua negeri diperoleh Celine Lee Xin Yee menerusi acara



AKSI skuad Karate kategori Kata Lelaki dan Wanita selepas berjaya memenangi Emas dalam acara berkenaan pada SUKMA Perlis baru-baru ini.

Kata Individu Wanita yang juga berjaya menewaskan pesaing Johor dengan pungutan mata 5-0.

Kejayaan kedua-dua atlet tersebut telah mencetus semangat berterusan kepada skuad Karate negeri untuk meraih pungutan pingat emas tambahan apabila Kata berpasukan lelaki dan wanita turut menyapu bersih emas yang ditawarkan untuk kategori

berkenaan.

Bagi kategori Kumite, dua pingat emas yang disumbangkan untuk kontinen Pulau Pinang adalah menerusi Chew Han Tiong dalam acara akhir 84 kilogram lelaki dan Thor Sin De (kumite 68 kilogram wanita).

Pencapaian cemerlang tersebut merupakan berita paling gembira buat jurulatih pasukan, Yusoff Ataei dan Yap Beng Hee.

Turut hadir memberi sokongan adalah Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait.

Jin Wei tewaskan pemain berpengalaman 21 tahun

KANGAR - Skuad Badminton Wanita negeri melakar satu keputusan memberangsangkan apabila atlet ciliknya, Goh Jin Wei, 14, berjaya memperoleh pingat emas menewaskan pemain Selangor, Yang Li Lian yang juga skuad Piala Uber negara dengan keputusan 20-22, 22-20 dan 21-15 di sini baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng berkata, beliau amat bangga dengan pencapaian tersebut memandangkan sukan badminton lazimnya signifikan dengan negeri Pulau Pinang selepas berjaya melahirkan pemain-pemain hebat seperti Datuk Lee Chong Wei, Ong Ewe Hock dan lain-lain.

"Jin Wei terlalu muda, namun beliau mampu menewaskan lawan yang lebih berpengalaman berusia

21 tahun.

"Saya lihat beliau mempunyai masa depan yang cerah untuk pergi lebih jauh dalam bidang sukan ini," katanya ketika dihubungi Buletin Mutiara bagi mengulas kemenangan tersebut di sini.

Mengulas lanjut, Chong Eng turut memuji pasukan karate yang berjaya menyumbang lapan emas kepada kontinen negeri.

"Karate menjadi lubuk utama Pulau Pinang menuai emas apabila berjaya menyumbang lapan pingat daripada 24 (emas) yang kita menangi," ujarnya.

Selain sukan badminton dan karate, Chong Eng turut memuji pasukan skuasy negeri yang berjaya menjuarai kategori individu wanita melalui atlet, G. Vanessa Raj dan juga kejayaan merangkul pingat Gangsa bagi (kategori) berpasukan



GOH Jin Wei (tengah) meraikan kemenangannya bersama ibu dan bapanya di sini.

wanita.

"Sukan lain yang tidak kurang hebatnya adalah tinju, wusyu, renang yang masing-masing menyumbang dua emas."

"Olahraga turut mempamerkan prestasi hebat dengan tiga emas," tambah beliau.

Pungutan emas, kontinen negeri pada tahap terbaik - Exco

KANGAR - Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng sama sekali tidak menyalahkan barisan atlet ekoran kegagalan membawa pulang 28 emas sebagaimana disasarkan pada kejohanan SUKMA XVII

Perlis 2014 di sini baru-baru ini.

Sebaliknya, beliau menyatakan bahawa pencapaian 24 emas yang dicapai adalah tahap terbaik.

"Bagi saya, SUKMA tidak harus dinilai berdasarkan pungutan pingat semata-mata, sebaliknya, dilihat

sebagai medan bagi atlet-atlet muda untuk bergerak lebih jauh dalam bidang sukan diceburi."

"Medan ini (SUKMA) adalah bagi membolehkan mereka (atlet muda) mengenalpasti potensi diri dalam persaingan kebangsaan serta

Kembar ungguli pecut 100 meter

KANGAR - Dua atlet kembar Pulau Pinang, Zaidatul Husniah Zulkifli dan Zaidatul Husna Zulkifli, 21, mencuri tumpuan acara olahraga 100 meter wanita di Sukan Malaysia (SUKMA) XVII Perlis apabila masing-masing menaiki podium bagi saingan tersebut yang berlangsung di Stadium Tuanku Syed Putra baru-baru ini.

Zaidatul Husniah berjaya merangkul pingat emas 100 meter wanita dengan catatan 12.15 saat manakala kakaknya, Zaidatul Husna meraih gangsa dengan masa 12.33 saat sambil tempat kedua dirangkul atlet Perak, Noor Eewan Syafiqah Mohd. Sabri.

"Saya amat bersyukur kerana pada SUKMA terakhir saya kali ini, saya berjaya merangkul emas dan saya ingin mendedikasikan kemenangan ini kepada keluarga, negeri Pulau Pinang


dan olahraga sendiri," ujar Zaidatul Husniah selepas majlis penyampaian hadiah baru-baru ini.

Zaidatul Husniah yang turut mewakili negara pada Sukan SEA Myanmar tahun lalu bagaimanapun sedikit kecewa apabila catatan larian tersebut masih gagal memintas rekod lamanya pada tahun 2012 di Kuala Lumpur, 11.91 saat.

"Mungkin angin agak terlalu kuat hari ini hingga menyukarkan larian saya."

"Saya sedikit terkilan juga kerana turut gagal memecahkan rekod SUKMA milik Siti Fatimah Mohammad dengan catatan 11.82 saat," ujar beliau.

Sebelum ini, MSNPP pernah melahirkan atlet pecut 100 meter melalui SUKMA, iaitu Norjannah Hafizah Jamaludin yang turut berjaya mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa.



ZAI DATUL Husniah Zulkifli (kanan sekali), Zaidatul Husna Zulkifli dan Pengarah MSNPP, Frederick Tan menunjukkan tanda bagus ekoran kejayaan mengungguli acara pecut 100 meter pada kejohanan SUKMA XVII Perlis baru-baru ini. (Sumber gambar : MSNPP).

mencari pengalaman bagi memastikan mereka sentiasa bersedia untuk bersaing pada masa akan datang," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Kejohanan SUKMA XVII 2014

yang berlangsung selama 11 hari bermula 24 Mei lalu hingga 4 Jun lalu memperlihatkan kehebatan Wilayah Persekutuan berada di kedudukan pertama dan Pulau Pinang di tangga ke-tujuh selepas Perak.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 9738 CH NG TSE-YIN - 831010075434 NO.1-D LEBUH HERIOT 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9838 SIA KAR WEI - 810912075334 NO.10 LORONG KURAU 33, CHAI LENG PARK 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 9851 NOR AZALIZA BINTI OTHMAN - 850523145796 NO.1 PINTASAN BAHAGIA 13, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 9869 PHEH SENG CHEE - 840503075197 BLOK 14-14-3 , TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1	: CH NG TENG SENG - 651204075557 NO.1-D LEBUH HERIOT 10300 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SEAH SWEE GIAP - 760726075311 NO.972 JALAN SAMAGAGAH 13500 PERMATANG PAUH, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: MOHD RUSLI BIN AHMAD - 620110025063 KAMPUNG PADANG, KUALA PEGANG 09110 BALING, KEDAH	Penjamin 1	: LIM KHAI YOW - 730907075567 12-15-4 TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2	: LOOI WAN JI - 81024075024 C-12-12 RIFLE RANGE FLATS 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN GUAT HOON - 730325075532 A-10-10 CASSIA CONDOMINIUM, OFF JALAN RAJA UDA 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: FAIZAH BT HAJI MOHD SALEH - 670716025258 KAMPUNG HAJI YUNUS, MUKIM PULAI 09100 BALING, KEDAH	Penjamin 2	: LIM LAY LAY - 761117075046 NO. 8-13-4 JALAN GANGSA 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 9945 THINESH KUMAR A/L KAMALAGARAN - 820809075159 515 TKT 5 BLOK E, PHILEO DAMANSARA 1, SEKSYEN 16, 46350 PETALING JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: MOHD FIRDAUS BIN ABU DAUD - 810705075323 NO.37 LORONG 12, TAMAN BAKAR ARANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 10023 NUR SAIDATUN NISA BINTI ABDUL AZIZ - 861020435576 6704 KAMPUNG BUKIT KECHIL, JURU 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10037 MOHAMMAD FATHI BIN HJ MAT SAAD - 850204075145 NO.7694 SIMPANG TIGA, LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1	: VIJAYA KUMAR A/L RAMACHANDRAN - 530307205017 F203 LORONG TIMAH 4, TAMAN PKNK, KULIM 09000 KEDAH	Penjamin 1	: ABU DAUD BIN MAT SAID - 540922105317 37 LORONG 12, TAMAN BAKAR ARANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: ABDUL AZIZ BIN HUSSEIN - 550518075311 PT 90 KAMPUNG BARU, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: KHAIRAH BINTI HJ MAT SAAD - 660216025500 2970-A JALAN SYED MOHAMAD, JALAN SULTANAH, ALOR SETAR 05350 KEDAH
Penjamin 2	: KUMARAN A/L RAJANGAM - 781018075065 NO.707 BATU 3, JALAN LUNAS 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: ABD RAHIM BIN ABU HAMID - 690301025617 1A BLOK B, KUARTERS BOMBA, TIKAM BATU 08600 KEDAH	Penjamin 2	: ABDUL RAHMAN BIN HUSSAIN - 5908143 1869 LORONG 2C/4, TAMAN SELASIH, KULIM 09000 KEDAH	Penjamin 2	: MOHAMMAD IDRUS BIN ISMAIL - 611225025667 2970-A JLN SYED MOHAMAD, JALAN SULTANAH 05350 ALOR SETAR, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 10108 TANTI MARYNA BINTI MANSORI - 800611075366 BLOK AL 3-8 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10195 CHAM WEN GINN - 840912075403 BLOK 130-17-1 SRI PELANGI CONDO, JALAN GENTING KLANG 55200 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 10213 SITI ASA BINTI MOHD NOR - 860225355460 NO.4 LORONG 15, TAMAN LIMA KONGSI 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	No Akaun Peminjam	: 10224 ABD RAHIM BIN ABD JALIL - 810627075327 25 LKNP TAMAN MUHIBBAH BENUS, BENTONG 28700 PAHANG
Penjamin 1	: NORYANA BINTI ADENI - 580508065328 BLOK AL 3-8, TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: CHAM MUN SEONG - 771015075853 66 JALAN ANGGERIK 5/4, TAMAN AMAN JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 1	: ROHAYA BINTI MOHD NOR - 780529075732 NO.20 LORONG MERAK JAYA 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 1	: ABD JALIL BIN AHMAD - 540218065147 25 LKNP TAMAN MUHIBBAH BENUS 28700 BENTONG, PAHANG
Penjamin 2	: AHISA BIGAM BINTI SHARIF DIN - 56102025950 17 LORONG HASSAN ABAS 3, TELOK BAHANG, BALIK PULAU 11050 PULAU PINANG	Penjamin 2	: LAU PO SIN - 811010205962 218 LORONG TEJA 1, TAMAN KELADI, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 2	: MOHD FUAT BIN MD AMIN - 6905206109 NO.20 LORONG MERAK JAYA 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 2	: FOZIAH BINTI LISUT - 520325065080 NO.9 JALAN TRAS, 28700 BENTONG, PAHANG
No Akaun Peminjam	: 10227 MOHD HAZRY BIN HASSAN - 860311355571 644 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10300 SHAHEERAHANIM BINTI YAHAYA - 851219075716 NO.1327 PERMATANG BOGAK 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 10346 MASITAH BINTI AHMAD - 860826355212 NO.70 LORONG CASSIA TENGAH 12, BANDAR CASSIA 14100 BATU KAWAN, SPS	No Akaun Peminjam	: 10356 A TIRAH BINTI ISMAIL - 850104075164 NO.4500 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1	: AZMI BIN MOHD ISA - R/F99977 PONDOK POLIS PULAU BETONG 11020 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: KALTOM BINTI AHMAD - 631003076168 75 PERSIARAN SEMBILANG 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 1	: ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH - 580502075541 1283 KEPALA BUKIT, BUKIT TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: ISMAIL BIN SALLEH - 551128075433 NO.4500 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2	: SALMAH BINTI SUDIN - 600416075786 112-A MK F, PAYA KONGSI 11020 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NORAINI BT AHMAD - 681016075434 1429A KUATERS JKR, JALAN TAMBY KECIL 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: NORASHIDAH BIN MOHD NOOR - 660411075001 NO. 34 JALAN TAMBUN, TAMAN BUKIT TAMBUN 14110 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 2	: OSMAN BIN OMAR - 710510075261 NO.1039 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
No Akaun Peminjam	: 10363 INTAN NUR FARRAH BINTI RAHMAT - 871030355544 NO. 5, JALAN IMPIAN EMAS 3, TAMAN IMPIAN EMAS 85000 SEGAMAT, JOHOR	No Akaun Peminjam	: 10374 SHAHRIZAL BIN MOHD SHARIF - 840717075539 NO.4985 JALAN SIRAM 12100 BUTTERWORTH 13220 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 10382 SYED MOHD AZRIE IZANIE B SYED SHAARI - 841217086439 A-3-13 PANGSAPURI ANGKASA INDAH, TAMAN ANGKASA INDAH 43000 KAJANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10394 MUNA BINTI ABD PATAH - 821011075584 1191 MUKIM 8, JALAN PAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: RAHMAT BIN M SALLEH - 506020016587 MBP 437 KR LOT 6052/A, PT PENYENGAT, JALAN BATU PAHAT 84150 MUAR, JOHOR	Penjamin 1	: MOHD SHARIF BIN KAMARUDDIN - RF99945 NO. 4985 JALAN SIRAM 12100 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: MOHAMAD RODZI BIN IDRIS - 640625075447 BLOK AY-4-6 TAMAN TUN SARDON II, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: FADZILAH BINTI IBRAHIM - 630912075918 1071 ME 20, KUBANG SEMANG
Penjamin 2	: GANASAN A/L RETHNAM - 551202805091 NO.66 LENGGOK SIAKAP 5, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 2	: JOHARI BIN SALLEH - 841202075163 NO. 1640 BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: SARIPAH BINTI MAT - 601201085888 NO.35 JALAN LAHAT 10450 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD TAUFIQ BIN AHMAD DESA - 820703075337 216 LORONG KENANGA 3A, TAMAN DESA IMPIAN 09000 KULIM, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 10397 LIM FANG KHONG - 811110075847 2103 PERMATANG TOK MAHAT, NIBONG TEBAL 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 10416 NOOR AFIZA BINTI MUSTAFAR - 830709085738 NO. 30 LORONG BENTARA 5, BANDAR BARU BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 10490 MOHD JAFNEE BIN AHMAD JEMAIN - 860117075285 NO.565 KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10515 TEOH PENG SHEN - 840305075807 NO.37-4-7 PAYA TERUBONG 3, 11060 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: LIM JIT TENG - 561018085437 2103 PERMATANG TOK MAHAT 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: MUSTAFAR BIN HASHIM - 571221055419 NO. 30 LORONG BENTARA 5, BANDAR BARU BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: ASHAH BINTI ABDULLAH - 590710075078 55 PERSIARAN CEMPASARI 56, TAMAN DESA CEMPASA 31400 IPOH, PERAK	Penjamin 1	: TEOH PENG LIT - 760329075449 BLOK 21-G-20 TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060 PAYA TERUBONG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MUSTAFA BIN HARUN - 680201086421 7478 SUNGAI KOTA, BAGAN TIANG 34250 TANJUNG PIANDANG, PERAK	Penjamin 2	: ROKIAH BINTI TALIB - 5805105086434 4 LORONG SERI INDAH 1, TAMAN SERI INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: MARIAM BINTI ABDULLAH - 570114075612 565 KAMPUNG BARU, ALMA, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: NORAIADAH BINTI ISMAIL - 761029025700 20 TINGKAT BAWAH BLOK 21, TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060 PAYA TERUBONG, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10584 IZYANI BINTI ZARAE - 860502355398 A-15-07 FLORA DAMANSARA, JALAN PJU 8/9, BANDAR DAMANSARA PERDANA 47820 PETALING JAYA	No Akaun Peminjam	: 10593 ANG WOOI LEE - 800121075267 NO. 27 GREEN GARDEN 1, GREENLAND 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10647 SHARIZUL MUIZZ BIN HAMEEM - 871113075011 17-4-6 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10650 LIM CHAN HONG - 850529075223 NO.43 TINGKAT SERINDIT 6, TAMAN DESA JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1	: ZARAE BIN MOHD NORDIN - R/F 97168 A2, T-10, U-05 PANGSAPURI PUTERA HARMONI, JALAN PJB, PRESINT 9, 62250 PUTRAJAYA	Penjamin 1	: ANG WOOI SENG - 800121075267 NO. 27 GREEN GARDEN SATU 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABDUL KADER BIN HAJA MYDIN - 580111705405 NO.19 JALAN IRRAWADI, 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: WILLIE SAW WOOI LEONG - 790501075043 8 LEBUHRAYA FETTES SATU 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
Penjamin 2	: AMINAH BINTI MOHD DAN - 520524085738 UNIT UPAS, PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYSIA 59100 LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: ANG GUAN CHENG - 510122075255 NO.27 GREEN GARDEN SATU 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: DASTAGIR BIN V K MOHD YASSIN - 620423075563 NO. 273-H LORONG TAMPIN , JALAN PERAK, 10150 PULAU PINANG	Penjamin 2	: LIM LI HUANG - 78018075742 43 TINGKAT SERINDIT 6 , TAMAN DESA JAWI 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
No Akaun Peminjam	: 10663 AZUINI MASNI BINTI MD YUSOP - 790727025866 NO. 37 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 10677 LEE YEE SIN - 880320355360 9969 KAMPONG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 10798 NURFASHA BT SHAHARIZAN - 840112075050 SUNRISE VILLANO 12, TINGKAT BAGAN BARU 18, TAMAN BAGAN BARU 12000 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 10866 NORAZALINDA BINTI ZAINOL - 880218355006 152 MK 11 KAMPUNG SERONOK, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1	: ZAINAL ABIDIN BIN CHE EMBI - 771156075619 37 TAMAN SIAKAP 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 1	: LEE MOO SUA - 560125075467 9969 KAMPONG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: SHAHARIZAN BIN HAJI NURUDDIN - 550505086679 12 TINGKAT BAGAN BARU 18, TAMAN BAGAN BARU 12000 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: NORZAILAN BIN ZAINOL - 830705075583 152 MUKIM 11, KAMPUNG SERONOK 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: AIDA MASWANI BINTI MD YUSOP - 770212076244 36 LORONG SUTERA 3, TAMAN SUTERA 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: LEE PENG HEE - 630205075513 1714 KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: NORHISYAM BIN MOHD ZANURI - 810222085199 LOT 2237 PERSIARAN BENDAHARA, KAMPUNG TEMIANG BARU 31650 IPOH, PER		

Pesta Gawai & Kaamatan P. Pinang - hormat & hargai budaya

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Sebagai penghormatan dan menghargai budaya masyarakat Sabah dan Sarawak yang menjadi sebahagian daripada bangsa Malaysia sejak 1963, Kerajaan Negeri dengan kerjasama beberapa pihak telah menganjurkan Pesta Gawai dan Kaamatan Negeri Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapan perasmian menyatakan bahawa terdapat ribuan penduduk berasal dari Sabah dan Sarawak yang

ANAK-anak muda yang terlibat dalam persembahan tradisional.



menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi bermastautin masing-masing.

“Mereka mencari pendapatan, melanjutkan pelajaran dan sebagainya di sini (Pulau Pinang).

“Jadi, tak salah kita mengambil kesempatan ini untuk merayakan keunikan pesta yang juga sama penting seperti budaya dan tradisi suku-suku kaum yang lain

di Malaysia,” ujarnya di sini.

Lebih 3,000 tetamu membanjiri Padang Kota Lama untuk berkongsi dan sama-sama merasai kemeriahkan program anjuran bersama gereja-gereja Pulau Pinang dan masyarakat Sabah dan Sarawak (di Pulau Pinang).

Turut hadir, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik dan Ahli Parlimen Sandakan, Stephen Wong Tien Fatt.

Di samping makalan tempatan, turut didatangkan khas adalah pelbagai makanan Sabah



KANAK-kanak memperagakan pakaian tradisional masing-masing pada penganjuran Pesta Gawai dan Kaamatan Negeri Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

dan Sarawak seperti Kolo Mee, Laksa Sarawak, Kampua Mee, Kek Lapis Sarawak serta Pais Ubi.

Sambil menikmati pelbagai juadah, tetamu dihiburkan dengan tarian tradisional masyarakat Semenanjung Timur Malaysia seperti tarian buluh dan peragaan pakaian tradisional

warna-warni.

Lazimnya, Gawai diraikan sebagai rasa terima kasih kepada roh dan Tuhan kerana memberikan hasil tuaian yang baik bagi etnik suku kaum di Sarawak. Berlainan dengan di Sabah, Gawai menandakan tamatnya musim menuai yang lebih dikenali sebagai Kaamatan.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11125 : NURZALILA BINTI RAZALI - 870227355412 3-3-15 FLAT SERI DELIMA, LINTANG BAYAN 8, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11142 : NURUL FITRIYAH BINTI MD RADI - 830712075450 5096 MK 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11164 : MOHD NIDZAM FAKHRI BIN YUSOF - 87032335527 NO. 22 LORONG 7, TAMAN TIONG MAS 14100 SIMPANG EMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 11191 : ONG PENG KUN - 881018075143 252-L JELUTONG BARAT 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1	: SUKIMAN BIN UNTONG - 581223075359 435 BLOK H MK 12 JALAN BHARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: CHE EMBON BINTI YUSUF - 520224075300 5096 MUKIM 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: YUSOF BIN ABDUL RAHMAN - 560427075403 NO. 22 LORONG 7, TAMAN TIONG MAS 14100 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 1	: ONG CHIN HOCK - 540214075217 NO. 252-L JELUTONG BARAT 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHD SAPARI BIN ABDU MAJID - 80011075263 435 BLOK H MK 12 JALAN BHARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZAWIAH BINTI MAT ZAIN - 670626025086 811 MUKIM 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MOHD NIDZAM FIKRY BIN YUSOF - 810722075173 359 MUKIM 21, GUAR IPOH 14400 KUBANG SEMANG, BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LIM POH CHOON - 770905075711 244E-2-2 TAMAN CEMERLANG, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11214 : NUR HIDAYAH BINTI ABDUL AZIZ - 870705355098 4051 LAHAR YOOI, TASEK GELUGOR 13300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11225 : JEMILAH BINTI IBRAHIM - 760206075094 NO. 543 JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11229 : ISMAIL BIN MAHAMAD HAKIMI - 830121015915 NO. 14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11357 : MAZIDAH BINTI MAT REJAB - 850317075600 789 PERMATANG TINGGI C, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: AZLINA BINTI ABDUL AZIZ - 820122075152 NO.4051 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: AHMD FAIRUZ BIN JAMALLUDIN - 810818025373 NO.94 TAMAN INTAN 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: MAHAMAD HAKIMI BIN IBRAHIM - 570812095039 14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: MAHAYA BINTI MAT REJAB - 671113075138 NO. 2 LORONG BERTAM INDAH 32, TAMAN BERTAM INDAH, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2	: NURHAYATI BINTI ABDUL AZIZ - 770528075678 4514 MUKIM 8, POKOK SENNA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: MOHD RIDZA BIN MOHD NOR - 820428146697 377 LORONG BAIDURI 3/4, TAMAN DELIMA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 2	: NORIZAN BINTI ESA - 590301015680 14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: MOHAMAD YUSUF BIN JAMIL - RF171427 NO.196 A KAMPUNG BARU, JALAN SUNGAI TIANG 06750 PENDANG, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11363 : RUZANNA BINTI RUSLI - 880118075058 NO.917 A MUKIM 9, JALAN KAMPUNG MASJID 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11392 : ASRUL KHAIRI BIN SOHAIMI - 900807075737 48 TINGKAT BUKIT MINYAK 5, TAMAN BUKIT MINYAK	No Akaun Peminjam	: 11430 : GHATYAYANI A/P JOSEPH PAUL - 870303075034 156 JALAN PERWIRA, TAMAN PERWIRA 14100 SIMPANG AMPAT	No Akaun Peminjam	: 11445 : YEOH HAN LENG - 811229075457 BLOK F-G-6, TMN DESA RELAU, LEBUH RELAU 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: RUSLI BIN HASHIM - 580925025263 NO. 917 A MK 9, JALAN KAMPUNG MASJID, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SOHAIMI BIN MD SAID - I/19060 48 TINGKAT BUKIT MINYAK 5, TAMAN BUKIT MINYAK	Penjamin 1	: JOSEPH PAUL A/L IGNATIUS PAUL - 570307075045 NO. 156 JALAN PERWIRA, TAMAN PERWIRA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: CH NG PEY JOON - 810718075349 NO. 30 BAGAN SERAI ROAD 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: CHE ALI BIN OTHMAN - 65122075761 3-4-3 TINGKAT TELUK KUMBAR, BANDAR BARU TELUK KUMBAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ISMAIL BIN AHMAD@MD SAID - 650105025381 F 163-A/FELDA LEPANG NENERING 33100 PENGKALAN HULU, PERAK	Penjamin 2	: MANIMALA A/P SINGAM - 650922075020 NO. 27 LORONG PERWIRA 5, TAMAN PERWIRA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 2	: VICRAM A/L MAHALINGAM - 810919075759 AA-2-1 SPRING FIELD CONDO, LORONG KENARI, SUNGAI ARA, 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10615 : AHMAD KABEER BIN ALI AKPER - 840524075137 BLOCK D-G-10 LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHAMID SHARIFF BIN MOHAMED HANIFA - RF/75087 CAWANGAN LATIHAN, IPK PULAU PINANG, JALAN PENANG 10760 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: SITY MASITA BT JAMALUDIN - 860512355164 4101 MK 3 BUKIT INdra MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHAMAD SOBRI BIN ABDUL MAJID - 700928025545 4101 MUKIM 3, BUKIT INdra MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: MUHAMMAD YASIN BIN ALI AKPER - 741102075571 BLOK D-G-10 LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2		Penjamin 2	: MOHD ZULKIFLE BIN JAMALLUDIN - 780523075117 4101 MUKIM 3, BUKIT INdra MUDA, 14000 BUKIT MERTAJAM		

Kurang campur tangan, galak persaingan pelaburan -KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

KUALA LUMPUR – Elemen idea, pelaburan dan infrastruktur digagaskan dalam Paradigma Pulau Pinang (2012-2022) diharap turut mencuri minat pelabur asing dari Eropah ke negeri ini.

Demikian masej disampaikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam pertemuan bersama-sama *EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry* (EUMCCI) di sini baru-baru ini.

“Pengintegrasian ketiga-tiga elemen ini bukan sahaja meningkatkan dinamisme ekonomi, tetapi, juga mampu mewujudkan sebuah masyarakat seimbang dan lestari dengan keadilan sosial untuk semua, serta persekitaran yang sesuai untuk didiami,” ujarnya pada majlis bersejarah itu.

Mengulas lanjut mengenai Paradigma Pulau Pinang, Guan Eng berkata, idea kreatif dan inovatif umpamanya adalah

sangat diperlukan untuk pembangunan sosio-ekonomi masa depan negeri.

Atas maksud itu, jelasnya, Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan sebuah *Creative Animation Triggers* (CAT) di kawasan George Town, pusat bandar negeri yang dikenali sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengurangkan campur tangan dalam urusan perniagaan, termasuk membatikan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) demi menggalakkan persaingan pelaburan dalam semua sektor industri di negeri ini.

Difahamkan, Pulau Pinang berjaya mengekalkan kedudukan negeri paling besar menyumbang pelaburan luar negeri (FDI) kepada negara, iaitu sebanyak RM19.7 bilion dari tahun 2010 sehingga Ogos 2013.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri juga turut membangunkan infrastruktur awam merangkumi aspek urus tadbir baik,



KETUA MENTERI ketika membentangkan gagasan Paradigma Pulau Pinang pada EUMCCI di sini baru-baru ini.

mementingkan ketelusan dalam proses membuat dasar, merancang dan melaksanakan pembangunan yang benar-benar menguntungkan rakyat terbanyak.

Ini kerana, jelasnya, pembangunan infrastruktur awam masa depan Pulau Pinang seharusnya dilihat tidak terbatas pada fizikal jaringan sistem jalan raya serta pengangkutan awam.

“Semua pendekatan holistik dalam kerangka Paradigma Pulau Pinang ini juga dijangka mengubah Pulau Pinang menjadi sebuah masyarakat yang

seimbang, intelektual, kreatif, progresif, berdaya saing dan mampan,” ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Pengerusi EUMCCI, Fermin Fautsch, Minna Saneri (Pengurus Besar EUMCCI), H.E. Luc Vandebon (Duta Besar Delegasi EU ke Malaysia) dan H.E. Nicolai Ruge (Duta Diraja Denmark) antara kenamaan yang mengikuti perkongsian Guan Eng mengenai pelan pembangunan sedekad negeri, Paradigma Pulau Pinang (2012-2022).

iFOODex harap promosi PP hab proses makanan dunia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

BAYAN BARU – Sebanyak 85 gerai makanan antarabangsa dari China, Korea, Jerman, Singapura, Amerika Syarikat dan Malaysia dibuka bersempena Ekspo Makanan Antarabangsa (iFOODex) 2014 di *Subterranean Penang International Convention and Exhibition* (SPICE) di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, kepelbagaiannya makanan dibawa khas pihak pengajur di sini mensasarkan sehingga 65,000 pengunjung.

Malah, katanya lagi, pengajuran pameran tahunan itu sekaligus diharap mampu mempromosi Pulau Pinang sebagai hab memproses makanan terkemuka dunia kelak.

“Inisiatif pihak pengajur ini dilihat mendokong hasrat dan cita-cita Pulau Pinang untuk mewujudkan sebuah hab pemprosesan makanan terkemuka di dunia,” katanya ketika merasmikan pameran tersebut di sini baru-baru ini.

Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung turut



ABDUL MALIK ABUL KASSIM (dua dari kanan) turut tidak melepaskan peluang menyertai sesi demonstrasi masakan nasi beriyani pada pengajuran iFOODex di sini baru-baru ini.

merakamkan penghargaan kepada pengajur, M2 Events Sdn. Bhd. kerana turut mengadakan jualan serta pameran makanan Halal Malaysia dalam iFOODex, sejak empat tahun lepas.

Tambah beliau, Pulau Pinang adalah istimewa kerana kepelbagaiannya makanan lazat yang disediakan dari restoran bertaraf lima bintang hingga gerai-gerai kecil di bahu jalan terus dilihat sebagai identiti pelancongan makanan di negeri ini.

“Segalanya ada di Pulau Pinang, sebut sahaja laksa, nasi beriani, pasembor, sup th’ing dan sebagainya,” kata Abdul Malik.

Demonstrasi masakan nasi beriyani oleh chef dari Hajee Essa Sdn. Bhd. antara sesi promosi utama makanan halal di ekspo tersebut.

KN sokong laksana gaji minima RM1,100

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bawah pimpinannya sudah lama menyokong pelaksanaan gaji minimum RM1,100 berbanding menggajikan pekerja asing dalam sistem kontrak.

Kenyataan tersebut dinyatakan beliau pada Persidangan Perhubungan Industri anjuran Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, dengan pelaksanaan sistem tersebut, ia dijangka dapat membantu 14.2 bilion tenaga kerja di samping melindungi sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) serta membantu pertumbuhan ekonomi.

“Dalam kaji selidik oleh firma pengambilan tenaga kerja, Kelly Services, pekerja di Malaysia dilihat hanya 28 peratus sahaja yang komited pada kerja masing-masing berbanding 41 peratus di Indonesia.

“Sebanyak 46 peratus pula merasakan diri mereka betul-betul dinilai oleh majikan berdasarkan prestasi di negara ini, Indonesia (58 peratus) dan China (52 peratus).

“Peratusan-peratusan ini menunjukkan peralihan kerja yang kerap kali berlaku disebabkan upah dan gaji yang terus menjadi faktor utama dalam mengaplikasikan bakat golongan berkelaan,” ucapnya pada majlis tersebut di sini baru-baru ini.

Sepanjang berlangsungnya persidangan tersebut, perkara utama dibincangkan adalah



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Persidangan MEF di sini baru-baru ini.

mengenai sistem gaji minima.

Malah, turut dirumuskan Guan Eng adalah kejayaan Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga kini dalam menaikkan semula kuasa ekonomi Pulau Pinang melalui pembasmian hutang sebanyak 95 peratus, pencegahan rasuh, bantuan saguhati kepada rakyat, projek membasihi kemiskinan tegar, pembinaan rumah mampu milik, peningkatan aset negeri, tarikan pelabur asing, pelancongan, pembangunan modal insan dan kemahiran, polisi Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) ke arah mengantarkan bangsa negeri ini.

Seminar yang berlangsung selama sehari berkenaan mengumpulkan hampir 200 peserta dari pelbagai institusi yang bernaung di bawah MEF bagi membincangkan isu-isu pekerja seperti sumber manusia, rasuah, gaji minima dan perkara-perkara berkaitan.

Dalam pada itu, Presiden MEF, Tan Sri Azman Shah Haron sempat memuji tadbir urus air negeri yang baik dan kejayaan mengelak pelaksanaan inisiatif catuan air pada musim kering baru-baru ini.

SMK Convent aktif program kitar semula

Oleh: AHMAD ADIL MUHAMAD
Gambar: MOHD. FAIZ ABDUL HALIM

BUKIT MERTAJAM - Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Mertajam (SMK Convent) baru-baru ini melancarkan Kempen Sisa Sifar dan Makan Sampai Habis setelah bergiat aktif dengan penyertaan Anugerah Sekolah Hijau anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak tahun 2010.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif semasa merasmikan majlis tersebut memberitahu, sejak sekolah ini menyertai pertandingan Anugerah Sekolah Hijau, mereka (SMK Convent) berjaya mengekalkan kedudukan di tempat kedua selama

tiga tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2011, 2012 dan 2013.

"Malah, saya turut difahamkan bahawa sekolah ini akan turut menyertai Program Sekolah Cluster Cemerlang bagi Kategori Alam Sekitar menjelang tahun 2015 nanti.

"MPSP akan berusaha membantu sekolah ini untuk mencapai hasrat cemerlang dalam alam sekitar," katanya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Mengulas mengenai penyertaan SMK Convent di dalam program Sisa Sifar, Maimunah memberitahu bahawa pelaksanaan konsep tersebut akan mengurangkan pembuangan sisa buangan ke alam semulajadi atau tapak pelupusan sampah.

"Secara mudah, konsep ini mengajak kita supaya memaksimumkan kitar semula,

meminimakan sisa lebih, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh digunakan semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

"Sehingga kini, terdapat 42 penyertaan aktif dalam Program Sisa Sifar iaitu 32 buah sekolah dan komuniti (10) di seluruh Seberang Perai," ujarnya.

Tambah Maimunah, Sambutan Hari Alam Sekitar yang disambut setiap tahun pada 5 Jun diharap dapat menjayakan Program Sisa Sifar dan sekaligus mengurangkan penghasilan sisa organik.

"Dengan tema *Raise Your Voice and Not Sea Level*, saya menyeru kepada semua supaya dapat bekerjasama mengurangkan kepanasan global.

"Diharap warga Seberang Perai dapat menjalankan aktiviti kompos



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan sebelah) turut serta dalam Kempen Sisa Sifar dan Makan Sampai Habis di sini baru-baru ini.

sisa organik atau menjana biogas dan mengurangkan penghasilan gas metana," serunya.

Sehingga April 2014, program-program seumpama ini telah berjaya

membantu MPSP mencapai kadar kitar semula sehingga 34.71 peratus dengan penjimatatan sebanyak RM1.52 juta bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Bank Dunia pilih Tmn. Tanjung Indah tapak kajian sisa sifar

BUTTERWORTH - Bank Dunia memilih Taman Tanjung Indah sebagai tapak kajian perintis sisa sifar kerana penduduk rumah pangsa di sini dinilai menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap alam sekitar memulihara alam sekitar.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif berkata demikian pada Majlis Pelancaran Sisa Organik CCAC/Bank Dunia tersebut baru-baru ini.

"Semoga komitmen ini dapat dijalankan dengan berterusan sehingga dapat mengurangkan jadual kutipan sampah iaitu tiga kali seminggu buat masa sekarang sehingga sekali seminggu pada masa akan datang," katanya sambil merakamkan penghargaan atas komitmen komuniti setempat terhadap kempen sisa sifar yang dilaksanakan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Pengerusi Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Taman Tanjung Indah, Mah Yin Fun turut hadir pada majlis tersebut.

Menurut Maimunah, kempen sisa sifar bukan sahaja menjimatkan kos pengurusan MPSP, malah, dapat mengurangkan risiko penyakit yang berpunca daripada bawaan vektor serta penghasilan sisa ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.

"Dengan adanya program sisa sifar ini,



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kiri sebelah) mengagihkan bekas sisa makanan kepada para penduduk Rumah Pangsa Taman Tanjung Indah bagi pengasingan sisa organik untuk dikompos pada Majlis Pelancaran Sisa Organik CCAC/Bank Dunia di sini baru-baru ini.

lalat, lipas dan tikus juga akan berkurangan kerana tiada penghasilan sisa buangan yang menarik minat haiwan berkenaan," tambah beliau.

Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh pula dalam ucapannya berharap, tuah komuniti pangsa Taman Tanjung Indah yang dipilih untuk menjayakan projek perintis Bank Dunia tersebut wajar dimanfaatkan sebaik mungkin.

"Pulau Pinang telah dipilih sebagai salah satu daripada empat bandar di Asia untuk program ini oleh Bank Dunia.

"Saya berharap agar penduduk di sini dapat menjadikan program perintis ini sebagai batu loncatan untuk mengubah gaya hidup supaya lebih menjaga alam sekitar," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

Korporat tanam 10,000 pokok hijaukan kawasan sekitar



SEBAHAGIAN peserta yang terlibat dalam Upacara Menanam Pokok Bersama Komuniti di AEON Mall di sini baru-baru ini.

BUKIT MERTAJAM - Seramai 800 peserta menyertai aktiviti menanam 10,000 anak pokok di sekeliling pusat membeli-belah AEON Bukit Mertajam (AEON) sebagai inisiatif menghijaukan kawasan sekitarnya di sini baru-baru ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus semasa ucapan perasmian program itu berkata, aktiviti sebegini adalah amatlah dialukan bagi meningkatkan kesedaran dan rasa cinta terhadap alam sekitar.

"Aktiviti kemasyarakatan seperti ini secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan persahabatan di antara individu yang terlibat dengan pihak pengurusan pusat membeli-belah.

"Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kesedaran kepada orang ramai agar lebih menghargai alam sekitar dan betapa pentingnya tumbuhan hijau terhadap bumi kita ini," ujarnya pada Upacara Menanam Pokok Bersama Komuniti di AEON Mall di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi AEON Co. (M) Bhd., Datuk Abdullah Mohd Yusof, Nur Qamarina Chew (Pengarah Urusan AEON Co. (M) Bhd.), Lee Khai Loon (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Machang Bubuk) dan Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran

Seberang Perai, MPSP).

Selain itu, turut terlibat adalah penduduk sekitar, wakil-wakil jabatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), murid-murid sekolah dan warga kerja AEON.

Tambah beliau, walaupun AEON beridentitikan perniagaan dan komersial, namun pihak berkenaan tidak lupa melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) terhadap aspek persekitaran.

"Alam sekitar adalah sesuatu yang amat penting dan ia perlu dipelihara dan pulihara agar dapat mengimbangi persekitaran bandar serta mengurangkan pemanasan yang amat ketara sekarang ini.

"Saya berharap aktiviti ini dapat dijadikan ikhtiar oleh entiti perniagaan lain dan menjadikan ia sebagai satu program yang berterusan agar dapat menghijaukan bumi ini," ujar beliau.

Pada program sama, pihak AEON melalui Yayasan AEON Malaysia turut menyampaikan bantuan buku kepada lima sekolah terpilih di sekitar Bukit Mertajam.

Sehingga kini, pihak AEON telah menanam sebanyak 450,000 pokok hutan dan renek di seluruh Malaysia dalam usaha menghijaukan bumi ini.

Peserta Penang Run nikmati keindahan Seberang Perai

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap semua peserta Larian Pulau Pinang 2014-2015 (*Penang Run*) turut menikmati keindahan Seberang Perai, selain merebut kejuaraan pada pertandingan tersebut.

“Tahun lepas (2013), *Penang Run* telah melalui empat peringkat larian memusing bahagian pulau, Pulau Pinang.

“Untuk tahun ini (2014), kita mengambil keputusan untuk menganjurkan ia di Seberang Perai demi memamerkan pelbagai keindahan yang ditawarkan di Seberang (Perai),” ujarnya pada majlis perasmian dan penyampaian medal kepada pemenang di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utilliti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng, Phee Boon Poh (Exco

Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu) dan A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam) turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Setiausaha bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud.

Difahamkan, peserta Larian Pulau Pinang kali ini merentasi ketiga-tiga daerah, iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT)



SEBAHAGIAN pemenang Larian Pulau Pinang 2014-2015 merakam gambar kemenangan masing-masing di sini baru-baru ini.

dan Seberang Perai Selatan (SPS).

Melalui penganjuran program tersebut, Guan Eng

berharap Pulau Pinang dapat menjadi negeri sukan yang dikenali Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Penang Bike Week bantu realisasi hasrat beli van OKU



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.



SEBAHAGIAN motosikal berkuasa tinggi yang dipamerkan pada penganjuran Penang Bike Week 2014 di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Penganjuran acara *Penang Bike Week 2014* yang masuk tahun ke-tujuh adalah bertujuan merealisasikan hasrat pertubuhan kebajikan, *Eden Handicap Service Centre* berhubung pembelian sebuah van bagi kegunaan golongan kurang upaya (OKU) di bawah kelolaannya di sini.

Serentak itu, bertemakan *Charity For Ride*, ia juga adalah bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang keselamatan jalanraya.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, bagi memeriahkan program tersebut, pihak penganjur telah mengumpulkan para penunggang motosikal berkuasa tinggi untuk

berkonvoi sambil beramal.

“Malah, kehadiran beberapa pengeluar aksesori permotoran, *New Tyre Launching* dari *Michelin*, *Pocket Bike Challenge*, *Auto Show*, *Motac Challenge* dan beberapa acara pentas dilangsungkan bagi menarik minat para pengunjung,” katanya pada Majlis Pelancaran Penang Bike Week 2014 di sini baru-baru ini.

Program tiga hari anjuran persatuan permotoran, *One Nation Motosport*, Pejabat Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tersebut mensasarkan penyertaan seramai 2,000 penyertaan dari dalam dan luar negara termasuk Thailand, Indonesia, Singapura serta Brunei.

TARIKH BAYARAN & PEMBUKAAN KAUNTER KHAS BAGI PEMBAYARAN PROGRAM IBU TUNGGAL FASA 1 & WARGA EMAS FASA 2

DAERAH	TARIKH BAYARAN		TARIKH BUKA KAUNTER KHAS	
	IBU TUNGGAL FASA 1	WARGA EMAS FASA 2	IBU TUNGGAL FASA 1	WARGA EMAS FASA 2
TIMUR LAUT	9 JUN – 27 JUN 2014	14 JUN – 27 JUN 2014	14 & 15 JUN 2014	
BARAT DAYA	7 JUN – 27 JUN 2014		7 & 8 JUN 2014	
SEBERANG PERAI UTARA	9 JUN – 27 JUN 2014		14 & 15 JUN 2014	
SEBERANG PERAI TENGAH	16 JUN – 27 JUN 2014		21 & 22 JUN 2014	
SEBERANG PERAI SELATAN	9 JUN – 27 JUN 2014		14 & 15 JUN 2014	

NOTA:

* Waktu biasa bayaran adalah dari jam 10 pagi hingga jam 3 petang.

** Sebarang perubahan waktu bayaran adalah tertakluk kepada pihak Pejabat Daerah.

*** Waktu bayaran yang tepat akan dinyatakan di dalam baucar/ surat panggilan.

Oleh: YAP LEE YING
Gambar : IDZHAM AHMAD

IKATAN persahabatan yang terjalin sejak di bangku sekolah antara dua sahabat tidak terputus separuh jalan walaupun masing-masing membawa haluan hidup selepas tamat belajar.

Bagi Kartina Mamat, 40, selepas mengambil keputusan untuk berkecimpung dalam bidang perusahaan bakeri sepenuh masa, beliau yang ketika itu memerlukan seorang pembantu ‘boleh diharap’ teringatkan sahabat karibnya, Hayati Md. Lazim.

Ketika itu, Hayati atau lebih sinonim panggilan Yati adalah suri rumah sepenuh masa. Dikurniakan tiga cahaya mata, beliau terus bersetuju apabila dipelawa bagi membantu rakannya, Kartina dalam bidang berkenaan.

Perjalanan ke pusat pembuatan produk-produk bakeri dua sahabat tersebut terletak di lokasi agak pedalaman. Namun, perjalanan skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara dipermudahkan dengan pemandu arah yang juga pembantu kepada Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal, Tasrin Tugemin.

Setibanya di lokasi, dua sahabat berkenaan sedang sibuk menyiapkan tempahan piza bagi sebuah sekolah.

Satu demi satu piza dibuat dan dibungkus rapi. Kelihatan enak sekali!

Menurut Kartina atau lebih mesra dengan panggilan Tina,

Dua sahabat usaha pastri tanam sikap tidak putus asa

beliau menumpukan sepenuh perhatian dalam perusahaan tersebut sejak tiga tahun lalu iaitu selepas berhenti bekerja di salah sebuah kilang berhampiran.

“Saya mengikuti kursus. Memang sebelum itu, saya tiada asas langsung dalam bidang ini, namun, demi minat, saya cuba buat berdasarkan ilmu yang dipelajari dan ianya menjadi,” katanya yang mengusahakan perusahaan tersebut di Kampung Tok Bedu KADUN Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara (SPU).

Mengulas lanjut, Tina menyatakan bahawa peralatan pembuatan produknya kini adalah hasil tinggalan arwah abangnya yang meninggal dunia ekoran terlibat dalam kemalangan.

“Arwah abang dulu buat (perusahaan) roti canai segera. Masa meninggal, dia (arwah) tak turunkan resipi kepada sesiapa pun.

“Daripada bengkel ini dibiarkan, saya gunakan untuk menjalankan perusahaan bakeri

DUA sahabat karib, Kartina Mamat (kanan) dan Hayati Md. Lazim.

yang mana produknya kini telah dipelbagai kepada bun, kek dan juga biskut,” jelas Tina yang dikurniakan seorang cahaya mata.

Pada peringkat permulaan, Tina tidak menafikan bahawa beliau terpaksa mencari pasaran sendiri dengan mengadakan lawatan ke setiap sekolah berhampiran.

Bermula dengan 100 biji piza (bersaiz kecil) sehari, kini, pengeluarannya mampu mencecah 300 biji bagi m e m e n u h i permintaan pihak-pihak sekolah.

Pertambahan permintaan tersebut secara tidak langsung memperuntukkan beliau untuk berada di bengkel seawal 8 pagi dan hanya berakhir pada jam 3 petang setiap hari.

“Produk-produk yang diproses pada hari ini akan dihantar pada keesokan harinya.

“Bergantung kepada keadaan cuaca, tempoh tahan produk adalah selama tiga hari,” ujar beliau yang menyatakan bahawa keunikkan produknya adalah ia tiada bahan pengawet dan sedap dengan keaslian rasanya.

Bagi Tina, cabaran utama dalam bidang tersebut adalah persaingan dan turut tidak dinafikan adalah sikap iri hati pihak-pihak ketiga yang secara tidak langsung menjelaskan pasaran beliau.

“Memang kecewa dengan sikap orang macam ni, namun,



TINA sedang menyiapkan pembungkusan tempahan piza.



ANTARA produk pastri yang dihasilkan.



RUPA bentuk piza bersaiz besar yang dihasilkan.

kita kena sabar, percaya dengan rezeki yang ada, yakin dan juga tanam semangat tidak putus asa,” jelasnya sambil tersenyum.

Sebagai perancangan masa depan, Tina menyatakan bahawa beliau ingin pergi ‘jauh’ lagi dalam bidang berkenaan.

Serentak itu, Yati turut mencelih bahawa beliau ingin mempelbagaikan lagi produk jualan kini.

“Saya ingin buat sesuatu (produk) yang mempunyai tempoh tahan lebih lama. Saya tengah mencari produk-produk sesuai dan meneliti kursus berkaitan.

“Pada masa sama, saya juga berharap dapat sediakan peluang kerja kepada ibu-ibu tinggal di

kawasan berhampiran,” katanya yang turut memasarkan produk melalui laman Facebook, Tina Minami.

Dalam tempoh terdekat, adalah menjadi harapan Tina untuk menghasilkan sendiri produk gula-gula yang mana ia menepati ciri-ciri perniagaan masa depan beliau.

“Saya kini hanya menunggu masa kawan untuk belajar buat gula-gula,” ujar Tina.

INFO :
Yusmina Enterprise
Kampung Tok Bedu,
Pinang Tunggal, SPU.
017 – 477 1298
FB : Tina Minami

Wakaf tanahkekalkan identiti Islam George Town – Mohamed Nasir

DEMI memulihara identiti masyarakat India Muslim yang lebih dikenali sebagai ‘Kelinga Bangsan’ di kompleks pasar raya Chowrasta, beliau dan rakan-rakan pernah melancarkan piket pada tahun 1998.

Namun, aksi mereka langsung tidak dipedulikan oleh Kerajaan Negeri serta Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), pada masa itu.

Selepas Kerajaan Negeri berpindah tangan, beliau sendiri menjemput Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Beliau terkejut, apabila Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri pada bulan Februari 2012 mengumumkan cadangan menaiktaraf gabungan tersebut sebagai salah satu ikon kepada George Town Bandar Warisan Dunia UNESCO.

Sebanyak RM10 juta hingga RM12 juta diperuntukan untuk memulihara bangunan bersejarah yang direkod bina pada 1961.

Mohamed Nasir Mohideen, 50, memberitahu, langkah itu sekaligus mengukuhkan keyakinan penjaja yang kebanyakannya masyarakat India Muslim setempat, di samping menaruh harapan tinggi terhadap tadbir urus Kerajaan Negeri hari ini.

“Tahun 1998, saya sudah hantar proposal dan buat piket, tiada tindakan sehingga 2008, namun begitu hasrat murni menjadi iktibar kerana ia telah menjadi satu titik permulaannya.

“Selepas tahun 2008, tuntutan kita didengar dan terus diimplementasi (naik taraf Chowrasta).

“Semua penjaja tiada lesen dan bermiaga di luar (kompleks) Chowrasta atas alasan majlis (MPPP) tak boleh buat, tetapi sekarang boleh pula kerana ada iltizam pentadbiran di bawah Kerajaan Negeri yang baru.

“Bukan saja pasar raya Chowrasta, malah seluruh pasar basah di negeri ini dinaik taraf secara berperingkat,” ujar Mohamed Nasir, semasa diwawancara oleh wartawan akbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** di sini baru-baru ini.

Mohamed Nasir merupakan seorang India Muslim serta anak kelahiran Pulau Pinang dan mempunyai seorang isteri serta dua orang anak lelaki.

Beliau merupakan peniaga ikan di pasar basah Chowrasta.

Mohamed Nasir merupakan anak jati George Town, yang lebih dikenali sebagai ‘Anak Tanjong’.

Ibu dan ayah Mohamad Nasir adalah peranakan India dan berhijrah ke George Town, serta mendapat kerakyatan Malaysia.

“Negara India sekarang sekadar destinasi pelancongan, kerana jiwa raga saya sendiri ada di sini (Malaysia),” ujar beliau.

Walaupun sibuk dengan urusan perniagaan, beliau turut ditakrif sebagai Presiden Persatuan Muslim Tanjung Pulau Pinang (PELITA), merangkap Pengurus Persatuan Peniaga-peniaga Pasar Chowrasta Pulau Pinang.

Chowrasta

Mohamad Nasir memberitahu, Chowrasta adalah simbol kewujudan minoriti India Muslim di George Town.

Secara neratifnya, Chowrasta merupakan penempatan etnik Tamil Muslim dari Tamil Nadu, India Selatan sejak kurun ke-19.

“Sebenarnya, bandar George Town dari Jalan Pasar ke Lebuh Chulia hingga ke Jalan Penang dan Jalan Transfer merupakan terkemudian minoriti India.

“Chowrasta itu berasal dari bahasa Urdu, ‘char’ erti empat dan ‘rasta’ jalan. Chowrasta menghubungkan Jalan Penang, Jalan Chowrasta, Jalan Kuala Kangsar dan Jalan Tamil,” katanya sambil memberitahu bahawa semua etnik bermiaga di Chowrasta kini.

Muslim George Town

Menurut Mohamed Nasir, komuniti umat Islam boleh terus lestari di bandar

George Town hingga hari ini, antaranya disebabkan amalan generasi terdahulu mewakafkan tanah mereka untuk pembangunan ummah.

“Lebih kurang 18 hektar tanah wakaf di sekitar George Town, namun yang direkodkan sekarang lapan ekar sahaja.

“Di antaranya, adalah tapak Masjid Kapitan Keling dan tanah sekitarnya, yang diwakafkan oleh seorang kaya India Muslim bernama Haji Caudeer Mohudeen yang lebih terkenal dengan gelaran ‘Kapitan Kling,’” katanya.

Justeru, beliau memberitahu, pihak berwajib seharusnya mengkaji serta memajukan semula semua tanah wakaf terbabit supaya terus dilihat menjadi identiti masyarakat Islam serta mengekalkan ia sebagai warisan dunia.

“Perlu ada badan yang profesional untuk daftar semula semua tanah wakaf ini, juga diperlu badan profesional untuk memajukan semua tanah wakaf ini demi manfaat ummah,” jelas beliau.

Pembangunan tanah wakaf secara komersial seperti Wakaf Seetee Aishah dekat Seberang Jaya adalah model terbaik, di mana manfaat harta tanah akan berlebar dalam kalangan umat Islam sahaja, disebabkan ‘ain’ tanah wakaf itu tidak boleh dijual beli.

“Bayangkan betapa untung komuniti umat Islam yang semakin padat di bandar ini (George Town), jika penempatan di atas tanah wakaf di sini dapat disusun semula,” nyata Mohamed Nasir.



MOHAMED Nasir Mohideen.

Harapan

Mohamed Nasir berkata, pihaknya berharap projek menaik taraf Chowrasta siap seperti dirancang, agar menjadi ‘Central Business District’ bagi George Town sebagaimana dihasratkan oleh Kerajaan Negeri.

Selain itu, beliau memberitahu, usaha ‘pemutihan’ penjaja serta penyelenggaraan kompleks baru Chowrasta di sini boleh diuruskan oleh MPPP nanti, demi kepentingan rakyat termasuk komuniti India Muslim.

“Selepas siap Chowrasta, saya harap lebih ramai penjaja boleh mendapatkan lesen bermiaga di dalam kompleks ini.

“Dan, pada masa sama, saya memohon jasa baik Kerajaan Negeri serta pihak MPPP agar dapat memberi kelonggaran atau proses pemutihan kepada ahli-ahli pemegang lesen terdahulu diberi perhatian, dan jika selebihnya kepada umum.

“Cuma, saya berharap, persatuan PELITA boleh berperanan lebih penting khususnya dalam merancang pembangunan manfaat di atas tanah wakaf George Town, demi memelihara identiti umat Islam di tapak warisan dunia UNESCO ini.

“Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di mana hasil usaha saya secara perseorangan walaupun dalam NGO selama 15 tahun telah tercapai demi masyarakat India Muslim serta kaum lain,” ujar Mohamed Nasir, sambil merakamkan penghargaan kepada Guan Eng, Kon Yeow serta Teh Lai Heng (Ahli Dewan Undangan Negeri Komtar).



KETIKA diwawancara BM baru-baru ini.

MPSP hasrat Taman Ampang Jajar jadi hab pendidikan luar

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PERMATANG PAUH -

Syarikat atau badan bukan kerajaan (NGO) yang berminat membangunkan semula Taman Ampang Jajar seluas 36.3 ekar secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) diharap tampil berbincang dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Yang di-Pertua, Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, sebanyak RM1.39 juta diperlukan untuk memulihara semula taman rekreasi tersebut dalam tempoh lima tahun ini, supaya boleh dijadikan hub pendidikan luar

sekolah bagi institusi pendidikan sekitar Seberang Perai.

"Rancangan ini adalah hasil lawatan kerja saya ke Korea, di mana guru-guru di negara itu menggunakan ruang awam sebagai hub pendidikan sains sekaligus memaksimakan penggunaan ruang awam di negara mereka.

"Saya menyeru mana-mana NGO atau komuniti yang berminat untuk bekerjasama dengan MPSP supaya boleh berbuat demikian dengan menghubungi kami (MPSP) terlebih dahulu," katanya pada majlis penutupan Program Khidmat Sosial Lestari Hijau 2014 di Sekolah Kebangsaan (SK) Permatang To' Kandu baru-baru ini.

Difahamkan, lebih 40 murid Tahun Empat dan Lima sekolah tersebut menjalankan CSR di Taman Ampang Jajar.

Mengulas mengenai perancangan hab pendidikan luar, Maimunah menjelaskan bahawa 12.43 ekar tanah dekat Taman Ampang Jajar telah dibangunkan, manakala, baki 28.87 ekar lagi masih dalam perancangan.

"Pada 9 November 2007, Kementerian Pelancongan telah membiayai sebanyak RM500,000 untuk menaiktaraf taman ini merangkumi pembinaan tembok sepanjang tepi sungai, membaiki tandas, menaiktaraf plaza dan taman permainan.

"Manakala, projek pembangunan secara CSR ini



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan sekali) menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar-pelajar SK Permatang To' Kandu yang menyertai program Khidmat Sosial Lestari Hijau 2014 di sini baru-baru ini.

pula akan digunakan untuk mewujudkan *Tree Bank*, Pusat Operasi Tapak Semaian dan Kawasan Hijau di sini," ujar beliau.

Terdahulu, Kelab Berbasikal LP Mountain Bike Seberang Perai Utara menjadi komuniti pertama melaksanakan tanggungjawab CSR di taman

tersebut dengan membina laluan basikal sepanjang 1.1 kilometer.

Laluan basikal itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Law Choo Kiang pada 20 Januari tahun lepas.

ADUN & NGO syor Bajet 2015 MPPP tumpu infrastruktur

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN-

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) disyor memberi tumpuan pada perancangan menaiktaraf Tapak Penjajaan Sementara (TPS) selain memperbaiki penempatan semula penjaja-penjaja kecil sekitar kawasan pulau.

Demikian maklum balas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada sesi Perjumpaan Bajet MPPP 2015 yang dilangsungkan di Dewan Bandaran dekat Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Secara umumnya, ADUN dan NGO mahu pihak berkuasa tempatan (PBT) memperbaiki infrastruktur awam berwajib.

MPPP turut disyor memperbanyak pemasangan alat-alat permainan, alatan gimnasium serta gelanggang futsal dan badminton di kawasan kediaman komuniti.

Pada pertemuan tersebut, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar.



AR. Patahiyah Ismail.

Patahiyah Ismail turut merakamkan penghargaan kepada ADUN-ADUN dan NGO-NGO yang banyak menggetarkan aduan rakyat dan meningkatkan mutu perkhidmatan PBT.

"Mereka lebih dekat dengan rakyat. Kita perlukan input dari ADUN dan NGO untuk sama-sama memberi pendapat dan kemukakan cadangan membantu Majlis dalam penyediaan bajet yang lebih baik," ujar Patahiyyah.

Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye dan Joseph Ng Soon Siang (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan MPPP) turut menyertai majlis interaktif pelanggan tersebut.

Perjumpaan Bajet MPPP 2015 diadakan demi menyuburkan semula demokrasi tempatan, dengan menggalakkan warga pulau dalam membuat keputusan belanjawan bersama-sama MPPP.

Pameran manguk tingkat seajar aspirasi hijau MPPP

GEORGE TOWN - Pameran Revolusi Manguk Tingkat anjuran Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dari Mei hingga Julai ini adalah seajar dengan aspirasi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ke arah usaha mewujudkan bandar hijau di sini.

Pengarah Rekreasi, Pelancongan Dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha semasa merasmikan pameran tersebut berkata, Pulau Pinang secara umumnya telah melaksanakan Kempen Tanpa Beg Plastik dan di peringkat MPPP, larangan penggunaan bekas makanan polistirena turut diimplementasikan.

"Penggunaan bekas menyimpan makanan diperbuat daripada plastik serta budaya makanan segera yang diamalkan sekarang, sekaligus seakan melupakan masyarakat pada tradisi menggunakan manguk tingkat," katanya di sini baru-baru ini.

Kurator Muzium, Haryany Mohamad serta dua Ahli Majlis MPPP, Gooi Seong Kin dan Lim Boon Beng turut hadir pada majlis buat julung kali diadakan di negeri ini.

Difahamkan, hampir 190 manguk



SALAH seorang pengunjung mengabadikan kenangan dengan bergambar bersama-sama manguk tingkat pada Pameran Revolusi Manguk Tingkat di sini baru-baru ini



tingkat berjaya dikumpul sempena pameran yang berlangsung tersebut, termasuklah koleksi unik dari Czechoslovakia, Eropah dan "Peranakan".

Lanjutan itu, Haryany memberitahu, Lembaga Muzium mengambil inisiatif khas mengadakan pameran tersebut dengan mendokumentasikan perubahan senario penggunaan manguk tingkat sejak 100 tahun lalu.

"Pameran ini adalah untuk mengekalkan manguk tingkat yang dianggap sebagai barang antik dan tradisi sejak era 1920-an."

"Budaya kita adalah identiti kita," ujar beliau.

ANTARA manguk tingkat antik yang dipamerkan.

Agenda hijau, MPPP terima pengiktirafan

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mencipta satu lagi kejayaan apabila menerima Anugerah Kelestarian 2014 melalui kategori Kepimpinan Perniagaan daripada *Malaysia Green Building Confederation* (MGBC) baru-baru ini.

MPPP diwakili Pengarah Bangunannya, Ar. Yew Tung Seang untuk menerima sebuah trofi dan sijil penghargaan pada majlis penyampaian hadiah yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur.

Presiden MGBC, Ar. Sarly Adre Sarkum berkata, pihaknya mendokong misi menggalakkan pembangunan bangunan hijau bagi membina alam sekitar yang mampan

melalui kaedah sesebuah bangunan dirancang, direka, dibina, disenggara dan dikendalikan.

“Anugerah ini diberikan kepada organisasi yang menunjukkan teladan kepimpinan dalam mempromosikan agenda hijau dan menerima pensijilan akhir GBI (*Green Building Index*).

“Penafaran ini melibatkan beberapa kriteria seperti kecekapan sumber tenaga bangunan, kualiti persekitaran dalam, perancangan tapak dan pengurusan mapan, bahan-bahan sumber dan kecekapan inovasi,” ujarnya yang dijemput khas hadir pada Mesyuarat Biasa Majlis bagi memberikan penerangan

terperinci berhubung anugerah diterima.

Hadir sama, Pengarah Firma Arkitek MAA. Sdn. Bhd., Ar. Von Kok Leong.

Selain MPPP, turut menerima pengiktirafan sama ialah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan SP Setia Berhad.

Ketika diminta mengulas sebab MPPP dianugerahkan pengiktirafan berkenaan, Sarly menyatakan bahawa MGBC mengiktiraf kepimpinan MPPP sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT).

“MPPP telah meletakkan garis panduan yang tegas di dalam isu-isu alam sekitar.

“Malah, ia juga berjaya



YANG di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail (tengah) menerima trofi kemenangan dan sijil penghargaan Anugerah Kepimpinan Perniagaan daripada Presiden MGBC, Sarly Adre Sarkum (kiri) sambil diperhatikan Von Kok Leong selepas tamatnya Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

mengubah bahagian pulau perancangan alam sekitar ke Pulau Pinang kepada suasana arah kualiti hidup yang lebih yang lebih hijau dengan baik kini,” ujar beliau.

Bas ekspres – naik turun hanya di Terminal Sungai Nibong

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menasihatkan orang ramai supaya tidak menaiki bas ekspres di sekitar kawasan Komtar berikutnya pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah membatalkan permit-permit laluan syarikat terbabit dan perkhidmatannya di sini mulai 1 Jun ini.

Ahli Majlis MPPP merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas MPPP, Mohd. Sabri Osman berkata, larangan tersebut adalah sejajar dengan pewartaan Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong sebagai terminal utama mengambil dan menurunkan penumpang.

“Larangan ini adalah sejajar dengan Perintah Pengangkutan Jalan mengikut Seksyen 72 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang telah dibuat oleh kita (MPPP) dengan mewartakan Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong sebagai terminal utama.

“Semua pengendali bas ekspres perlu mengambil dan menurunkan penumpang di Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong sahaja,” tegasnya pada satu sidang media selepas tamatnya Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Sehubungan dengan penguatkuasaan tersebut, mulai 1 Jun lalu, pihak SPAD telah menjalankan rondaan setiap hari dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengendali bas ekspres yang



MOHD Sabri Osman menunjukkan salinan surat SPAD kepada pengendali-pengendali bas ekspres berhubung pembatalan permit operasi laluan di kawasan sekitar Komtar di sini baru-baru ini.

masih berdegil menjalankan operasi di sekitar bangunan Komtar.

Mengulas lanjut, ketika ditanya berhubung larangan pengoperasian bas ekspres di kawasan Komtar, Mohd. Sabri menyatakan bahawa tindakan tersebut adalah salah satu cara menambah baik pengurusan lalulintas serta pengangkutan awam di kawasan pulau negeri ini.

“Bas ekspres ini bukan sahaja memakir di bahu jalan dan menyebabkan kesesakan pada waktu puncak, tetapi, turut membahayakan keselamatan dan nyawa penumpang.

“Risiko kemalangan amat tinggi kerana penumpang diturunkan di atas jalan raya. Ia bukan kawasan yang sesuai untuk mengambil atau menurunkan penumpang,” tegas beliau.

90% setuju MPSP tumpu kebersihan, keselamatan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BUKIT MERTAJAM – Lebih 90 peratus daripada 980 responden bersetuju bahawa Bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun 2015 perlu memberi keutamaan pada aspek kebersihan serta keselamatan dan lalulintas.

Manakala, 78 peratus responden bersetuju MPSP memberi tumpuan pada aspek infrastruktur dan kemudahan awam, diikuti, kawalan banjir (68) dan penguatkuasaan undang-undang (65).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, kaji selidik serta majlis dialog dengan pelbagai komuniti masyarakat dapat membantu MPSP merangka bajet tahunan serta program komuniti sepanjang tahun depan.

“Jika Taipei (Taiwan) dan Singapura mengambil masa kira-kira 20 tahun untuk berubah, kita (MPSP) perlu mengambil masa lebih singkat untuk mewujudkan transformasi bandar,” ujarnya pada Hari Dialog MPSP 2015 di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, MPSP mampu mentransformasikan Seberang Perai dengan memberi penekanan pada tiga aspek iaitu pendidikan, penguatkuasaan dan kejuruteraan bandar.

Nada sama turut disampaikan Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dalam



SALAH seorang responden menyuarakan pendapatnya pada Majlis Dialog Bajet MPSP 2015 di sini baru-baru ini.

ucapannya.

“Kaji selidik dan dialog ini membantu MPSP merangka program untuk komuniti.

“Sebanyak 49 tadika menyertai program sekolah hijau...projek kebersihan ini menggambarkan kita (Seberang Perai) melangkah ke arah yang lebih baik,” ujarnya.

Tambah beliau, hasil soal selidik yang dijalankan pada 15 April hingga 18 Mei lepas akan dibukukan untuk memudahkan proses lanjut MPSP.

Dalam perkembangan berkaitan, MPSP turut melancarkan kaji selidik menerusi aplikasi ‘Projek ARM – Bajet MPSP’ yang boleh dimuat naik menerusi android telefon pintar masing-masing bagi berkongsi pendapat ke arah merangka Bajet MPSP 2015.

Ahli Majlis bagi MPSP, P. David Marshel selaku pengarah projek itu sebelum ini memberitahu, pihaknya mensasarkan 5,000 responden dalam tempoh 15 Mei hingga 16 Jun ini.

Kelab Falak DUN Batu Maung pupuk minat muda

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

BATU MAUNG – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim mengambil inisiatif mewujud dan melancarkan Kelab Falak DUN Batu Maung sebagai galakan kepada golongan muda terhadap bidang berkenaan di sini baru-baru ini.

Pelancaran tersebut dibuat sempena Kem Falak Siri 2 DUN Batu Maung di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh di sini.

Hadir sama, Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang, Sohibul Fadhilah Ustaz Mamat Said dan Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Falak dan Sumber Maklumat Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Ustaz Mohd. Jais Amar Akmal.

Menurut Abdul Malik, galakan kepada generasi muda perlu diberikan secara

berterusan untuk memupuk minat kecintaan terhadap ilmu falak.

“Melalui ilmu falak, kita dapat belajar kaedah-kaedah penentuan arah kiblat, waktu solat dan kejadian yang ada di langit dan di bumi.

“Selain itu, ia juga dapat mendekatkan dan mengingatkan kita terhadap rahsia yang tersimpan di sebalik setiap ciptaan-Nya,” ucapnya ketika hadir merasmikan Kem Falak Siri 2 di sini.

Seramai 70 peserta daripada pelajar Tahun 4 hingga Tahun 6 menyertai Kem Falak selama dua hari berkenaan.

Pelbagai pengisian menarik dijalankan sepanjang kem tersebut antaranya, bengkel jam matahari, bengkel roket air, penggunaan kompas dan tiang istiwa’, rubu’ mujayyab (penentuan arah kiblat) dan cerapan bulan serta bintang menggunakan teleskop



ANTARA aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang penganjuran Kem Falak Siri 2 di sini baru-baru ini.

cerapan.

Dalam pada itu, Abdul Malik berharap menerusi pelancaran tersebut dapat dijadikan landasan kepada pelajar untuk menerokai ilmu falak sebagaimana cendekiawan Islam tersohor seperti Ibnu Battuta, Al-Khawarizmi, Al-Battani, Al-Majriti dan

Omar Kayyam.

“Sebenarnya banyak lagi ciptaan-Nya yang masih belum diketahui dan dengan aktiviti yang Kelab Falak rencanakan, sedikit sebanyak dapat membuka minda pelajar yang menyertai kelab ini,” ujar beliau.

Gotong-royong cegah aedes - ADUN



WONG Hon Wai (dua dari kiri) dan Ramkarpal Singh (duduk, dua dari kanan) menyembur takungan air longkang menggunakan hos pasukan bomba dan penyelamat sukarela pada program Gotong-royong Desa Mawar di sini baru-baru ini.

AIR ITAM – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini menyeru orang ramai khususnya penghuni rumah pangsa untuk bersama-sama mengamalkan gotong-royong dalam usaha mencegah pembiakan nyamuk aedes.

Beliau berkata demikian sejurus selepas menyertai program gotong-royong di kawasan rumah pangsa Desa Mawar anjuran bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Thean Teik dekat sini baru-baru ini.

“Aktiviti gotong-royong bukan sahaja menyihatkan badan dan bersihkan kawasan sekitar, tetapi juga dapat mencegah pelbagai jenis penyakit antaranya demam denggi yang berpunca daripada nyamuk aedes.

“Perkara ini (demam denggi) agak membimbangkan kerana mencatatkan peningkatan kes di Pulau Pinang dan kita mengambil pendekatan mengadakan gotong-royong setiap bulan dalam usaha membendungnya,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Hon Wai dalam sidang media sama menasihati penduduk yang mengalami demam, sakit sendi dan hilang selera makan, ruam dan muntah-muntah supaya segera mendapatkan rawatan di klinik kesihatan atau hospital berdekatan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang sentiasa menyokong serta menjayakan aktiviti gotong-royong dijalankan JKKK di kawasan Air Itam.

Turut serta dalam gotong-royong tersebut ialah Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Kempen korporat berjaya kumpul 100 beg darah



SEORANG jururawat sedang membantu salah seorang penderma pada penganjuran Kempen Derma Darah di sini baru-baru ini.

Oleh: AHMAD ADIL MUHAMAD

PERAI – Syarikat korporat, *Galaxie Dance Studio* baru-baru ini menunaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada masyarakat dengan menjalankan Kempen Derma Darah di konkos sebuah pusat membeli belah di sini baru-baru ini.

Kempen bermula pada jam 10 pagi sehingga 3 petang itu adalah bertujuan menambah bekalan darah Hospital Seberang Jaya (HSJ) bagi menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat kini.

Selain itu, pada penganjuran tersebut, turut diadakan adalah kempen kesedaran berhubung inisiatif berkenaan.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel ketika ditemui berkata, program seumpama itu amat penting bagi menampung keperluan bekalan darah pada masa mendatang.

“Program seperti ini merupakan satu usaha murni yang boleh dijalankan komuniti bagi membantu pihak kesihatan mengumpul bekalan darah.

“Saya berharap lebih ramai individu dapat menderma darah agar dapat menyelamatkan nyawa seseorang yang amat memerlukannya,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Sehingga tamat program, sebanyak 100 beg darah berjaya dikumpul dengan kerjasama Unit Tabung Darah HSJ.

ADUN turun padang sumbang token program Emas

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

AIR ITAM – Seramai 205 penerima sumbangan program-program Emas kawasan Air Itam menerima token masing-masing yang disampaikan sendiri Ahli Dewan Undangan Negerinya, Wong Hon Wai di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Ketika ditemui, Hon Wai berkata, majlis penyampaian sumbangan Program-program Emas Kerajaan Negeri tersebut merupakan acara tahunan yang diadakan beliau sejak tahun 2008.

Jelasnya, melalui anjuran program-program tersebut, ADUN-ADUN ataupun wakil rakyat dapat bertemu dan merapati

rakyat di kawasan masing-masing.

“Sebagai sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat, kita (Kerajaan Negeri) menganggap program-program Emas bukan sahaja membantu rakyat yang layak dan memerlukan bantuan, tetapi juga menunjukkan komitmen kita (Kerajaan Negeri) untuk berkhidmat demi rakyat.

“Setelah enam tahun, saya mengambil inisiatif mengadakan program ini. Saya bercadang meneruskannya setiap tahun di Air Itam,” ujarnya.

Selain penyampaian sumbangan kepada penerima Program Penghargaan Warga Emas, turut diraikan adalah para penerima Program Anak Emas dan waris warga emas yang telah meninggal dunia.

Kaunter-kaunter pendaftaran bagi program-program Emas lain turut dibuka pada majlis berkenaan.



WONG Hon Wai (tengah, berbaju putih) dan Yeoh Soon Hin (berbaju putih, kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama para penerima program-program Emas Kerajaan Negeri pada majlis penyampaian khas di sini baru-baru ini.



ANTARA hasil seni yang dipamerkan pada Pameran ‘*Sketches of Memories. Penang*’ di sini.

Pameran ‘*Sketches of Memories. Penang*’ tonjol keunikan negeri

GEORGE TOWN – Orang ramai kini berpeluang melihat sendiri keunikan Pulau Pinang yang diterjemahkan dalam bentuk seni lukisan dan lukisan sempena Pameran ‘*Sketches of Memories. Penang*’ di Bangunan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Lebuh Acheh dekat sini selama sebulan bermula 26 Mei lalu.

Pengurus Perhubungan Awam GTWHI selaku pengajur pameran, Jack Ong berkata, pameran yang dijalankan dengan kerjasama *Mugong Living Merchant House*, Taiwan memperkenalkan enam orang artis ‘luar biasa’ dari Taiwan dan Hong Kong.

“Inisiatif dijalankan artis-artis ini amat dikagumi dalam usaha mempersempurnakan pandangan mereka terhadap keunikan di Pulau Pinang.

“Bagi pihak GTWHI, saya mengalukan mana-mana artis yang mempunyai hasrat untuk memperkenalkan hasil seni masing-masing berkaitan Pulau Pinang di sini,” katanya pada Majlis Pelancaran

Pameran ‘*Sketches of Memories. Penang*’ di sini baru-baru ini.

Majlis yang disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai itu turut dihadiri kurator dari *Mugong Living Merchant House*, Koo Seong Ngok dan Sujata Ng serta wakil dari *Urban Sketchers Penang*, Ch’ng Kiah Kien.

Dalam ucapan Hon Wai, yang juga Ahli Lembaga Pengarah GTWHI menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mengiktiraf hasil seni dan warisan terutama yang berkaitan dengan Pulau Pinang sama ada pada zaman dahulu kala ataupun yang terkini.

“Pembangunan kesenian dan warisan di Pulau Pinang perlu dihargai dalam usaha menarik minat semua golongan usia untuk lebih menghargai keunikan yang ada di negeri ini,” katanya.

Pameran ‘*Sketches of Memories. Penang*’ diadakan pada 26 Mei sehingga 23 Jun 2014 di Bangunan GTWHI setiap Isnin hingga Jumaat bermula dari jam 9 pagi ke 5 petang.

Elemen bisnes gandakan minat murid kitar semula



SOON Lip Chee (barisan depan, tengah) bergambar kenangan dengan murid-murid tadika serta komuniti setempat sejurus selesai program menanam pokok bunga pada Bengkel Kitar Semula di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

JAWI – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee mengesyorkan elemen bisnes turut diprogramkan dalam kempen kitar semula peringkat sekolah serta pra sekolah supaya menggandakan minat murid-murid untuk menyertai kempen nilai tersebut.

Menurut beliau, kepelbagaian syor baru sangat diperlukan, memandangkan kempen nilai anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mula diperkenalkan peringkat sekolah sejak 2010 lagi, serta diperluaskan ke pra sekolah bermula pada April lepas.

“Perlu ada kepelbagaian program lagi seperti terap elemen bisnes (perniagaan) supaya lebih menarik minat murid-murid.

“Anak kecil lebih mudah dididik untuk mengamalkan program 4R, iaitu *Rethink, Reduce, Reuse* dan *Recycle*, selain melihat kitar semula merupakan satu lagi sumber (pendapatan),” ujarnya kepada wartawan

di perkarangan Tadika Comel di sini baru-baru ini.

Menurut Lip Chee, jumlah kitar semula seberat 56,264.436 tan oleh MPSP di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini, bersamaan dengan penjimatan kos sebanyak RM1,136,541.60.

Kira-kira 113 murid pra sekolah dari lapan tadika, serta komuniti setempat menyertai program, anjuran bersama MPSP dan *Penang Green Council* (PGC).

Mereka menanam 150 pokok bunga, tidak termasuk 34 pokok renek di sekitar kawasan berlangsungnya program tersebut.

Bengkel Kitar Semula serta demonstrasi menghasilkan sabun dari kitar semula minyak masak antara sesi menarik sepanjang program komuniti tersebut.

Difahamkan, sebanyak 47 anak pokok ditanam di sekitar kawasan Parlimen Nibong Tebal sejak April lepas, termasuk di Taman Berjaya di sini.



Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat Program-program EMAS Untuk Semua



DAFTARLAH
SEKARANG!!!
di pejabat
**ADUN
ANDA!**

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat

